



LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

2008

SUSTAINABLE GROWTH

PERUTUSAN PENGERUSI 2

MAKLUMAT KORPORAT 6

- Perbadanan Pembangunan Perdagangan •
Luar Malaysia Akta 1992
- Visi, Misi dan Fungsi-fungsi •
Lembaga Pengarah •
Struktur Organisasi •
- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Kanan •
- Rangkaian Antarabangsa dan Cawangan Tempatan •

TUMPUAN KORPORAT 18

- Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan •
Meluaskan Sempadan Halal •
Menoptimumkan Peluang Serantau •
Mempamerkan Kebolehan Malaysia •
Dalam Sektor Perkhidmatan •
Menerokai Pasaran Baru •
Peningkatan Sumber Manusia •
Pengiktirafan Antarabangsa •
Perkongsian Pengetahuan •
Merancang Hala Tuju •

TINJAUAN PERDAGANGAN 28

- Mengekalkan Pertumbuhan •
Rakan Perdagangan Utama •
Mengembangkan Pasaran •
Mara Ke Hadapan •

SASARAN PASARAN 38

- Memperluaskan Pasaran Global Malaysia •
Produk dan Perkhidmatan •
Kerjasama Dengan Pelbagai Kementerian, Agensi •
dan Persatuan Perdagangan

PERKHIDMATAN SOKONGAN DAGANGAN 62

- Memperkasakan Pengeksport •
Membimbing Pengeksport EKS •
Sokongan Kewangan •
Perkhidmatan •
Anugerah Kecemerlangan Eksport •



Ini adalah tahun yang ketiga berturut-turut jumlah perdagangan merentasi paras RM1 trilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM141.88 bilion.

Pada tahun 2008, Malaysia mencapai pertumbuhan perdagangan yang hebat sebanyak 6.8 peratus kepada RM1.185 trilion. Ini adalah tahun yang ketiga berturut-turut jumlah perdagangan merentasi paras RM1 trilion. Eksport meningkat 9.6 peratus kepada RM663.49 bilion manakala import mencatat pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus kepada RM521.61 bilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM141.88 bilion. Ini adalah lebih dagangan yang paling tinggi pernah dicatatkan semenjak 1997. Peningkatan dalam eksport amat ketara dalam tiga suku pertama 2008 sebelum menurun dalam suku akhir kesan daripada kelembapan ekonomi global.

Kesemua sektor utama, terdiri daripada perkilangan, pertanian dan galian serta minyak galian, telah menyumbang kepada pertumbuhan eksport. Eksport perkilangan meningkat 1.8 peratus kepada RM464.47 bilion, menyumbang 70 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia. Sektor galian menyumbang 18.2 peratus daripada jumlah eksport, mencatatkan peningkatan 42.4 peratus kepada RM120.7 bilion

pada 2008. Eksport pertanian berkembang sebanyak 32.2 peratus kepada RM71.71 bilion, menyumbang 10.8 peratus kepada jumlah eksport.

Dari segi destinasi, 5 rantau eksport utama Malaysia pada 2008 adalah Asia Timur Laut, Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Amerika Utara, Kesatuan Eropah (EU) dan Asia Barat. Manakala rakan perdagangan utama adalah Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Republik Rakyat China dan Thailand, yang secara kolektif menyumbang 52.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia.

Antara pasaran rantau yang mencapai peningkatan ketara dalam eksport adalah Asia Barat yang berkembang dengan 30.7 peratus, diikuti oleh Asia Selatan dengan 25.4 peratus, Amerika Latin 22.9 peratus dan Oceania 22.4 peratus. Pasaran utama di Asia Barat adalah Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi, di Asia Selatan adalah India dan Pakistan, di Amerika Latin adalah Mexico dan Brazil dan di Oceania adalah Australia.

Aktiviti penggalakan perdagangan yang telah dilaksanakan secara agresif oleh MATRADE pada tahun 2008 menyumbang kepada prestasi eksport Malaysia yang kukuh. MATRADE telah menganjurkan 228 aktiviti penggalakan pada tahun 2008 bagi membantu pengeksporn Malaysia dalam menceburi pasaran global. Ini termasuk penyertaan dalam 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 11 Misi Pemasaran, 26 Misi Belian, 46 Kaunter Promosi, 55 seminar, taklimat dan bengkel serta 26 kaunter informasi di pameran tempatan.

Sebanyak 972 syarikat Malaysia menyertai dalam 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa, yang menghasilkan jualan langsung sebanyak RM348.67 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM41.04 bilion. Manakala 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri anjuran bersama MATRADE, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah menghasilkan jualan langsung sebanyak RM1.2 juta dan projek berpotensi bernilai RM4.23 bilion.

Bagi mempromosi sektor khusus di pasaran yang terpilih, MATRADE telah menganjurkan

11 Misi Pemasaran yang disertai oleh 110 syarikat. Sektor yang terlibat adalah makanan diproses, alat ganti dan komponen automotif, perkhidmatan dan produk penjagaan kesihatan, perabot dan pembinaan serta perkhidmatan dan produk berkaitan pembinaan. Syarikat yang menyertai misi-misi tersebut telah melaporkan jualan langsung sebanyak RM3.61 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM1.27 bilion.

Selain penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa di luar negara, MATRADE juga menganjurkan 2 Pameran Perdagangan Antarabangsa dalam negara. Pameran tersebut adalah *Malaysia International Halal Showcase 2008* (MIHAS), yang mempromosikan produk dan perkhidmatan halal yang terbaik; dan *International Trade Malaysia 2008* (INTRADE Malaysia) yang diposisikan sebagai pameran perdagangan am unggul di rantau ASEAN.

MIHAS yang diadakan bagi kali kelima dari 7 hingga 11 Mei 2008 dengan tema "*Bridging the Global Halal Market*", telah menarik penyertaan 507 pempamer termasuk syarikat asing. Pameran ini menghasilkan jualan langsung berjumlah RM185.3 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM2.02 bilion.

INTRADE Malaysia yang diadakan dari 13 hingga 16 November 2008 telah menarik 325 penyertaan tempatan dan 43 luar negara. Pembeli antarabangsa telah menunjukkan minat bagi produk elektrik dan elektronik, minyak sawit,

Aktiviti penggalakan perdagangan yang telah dilaksanakan secara agresif oleh MATRADE pada tahun 2008 menyumbang kepada prestasi eksport Malaysia yang kukuh. MATRADE telah menganjurkan 228 aktiviti penggalakan pada tahun 2008 bagi membantu pengeksport Malaysia dalam menceburi pasaran global.

makanan dan minuman, perabot, alat ganti automotif, bahan pembungkusan, tekstil dan pakaian, kosmetik, produk farmaseutikal dan alat tulis. Pameran ini telah menghasilkan jualan langsung sebanyak RM198.9 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM2.41 bilion.

Dalam usaha mempamerkan kemampuan sektor perkhidmatan Malaysia di pasaran antarabangsa, MATRADE telah menganjurkan *Malaysia Services Exhibition* (MSE) dari 13 hingga 15 Januari 2008 di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu. Antara perkhidmatan yang dipromosikan adalah pembinaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan professional, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perkhidmatan kewangan serta minyak dan gas. Sejumlah 31 projek berpotensi bernilai RM39.02 bilion dikenal pasti semasa pameran ini.

Selain menganjurkan aktiviti penggalakan perdagangan, MATRADE juga menganjurkan pelbagai program untuk membimbing dan membangunkan pengeksport baru, di samping mempertingkatkan keupayaan pengeksport sedia ada. Kebanyakkan program tertumpu kepada pembinaan keupayaan eksport untuk enterpris kecil dan sederhana (EKS) termasuk peningkatan kemahiran pemasaran, pengetahuan syarat dan peraturan perdagangan serta mengenal pasti peluang-peluang eksport. Pada tahun 2008, sejumlah 55 program latihan meliputi seminar, taklimat dan bengkel telah dijalankan yang memanfaatkan 5,911 peserta dari 4,326 syarikat.

Menyedari penglibatan kos yang tinggi oleh EKS dalam menjalankan aktiviti penggalakan eksport, MATRADE menyediakan sokongan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dan Geran Promosi Jenama (BPG) kepada EKS. Di bawah MDG, sejumlah RM15.95 juta disalurkan kepada 897 EKS bagi menyertai aktiviti penggalakan pada tahun 2008. Bagi BPG pula, sejumlah 20 syarikat, di mana 12 yang merupakan EKS telah menerima geran berjumlah RM32.74 juta.

Dalam usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam pasaran eksport, MATRADE memberikan bantuan melalui Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP). Dahulunya dikenali sebagai *MATRADE Trade Outreach Programme* (MTOP), BEDP memberi tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan

pengetahuan serta kemahiran eksport syarikat Bumiputera melalui latihan, bengkel, lawatan sambil belajar, taklimat, sesi konsultasi, bimbingan perniagaan secara peribadi dan penyertaan di dalam aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa. Pada tahun 2008, sejumlah 10 syarikat telah dipilih mengikuti program ini yang membuka peluang kepada syarikat berkenaan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di pasaran antarabangsa melalui penyertaan dalam aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa.

Selain daripada memberi bantuan kepada usahawan Bumiputera, MATRADE juga memberi bantuan untuk membangunkan usahawan wanita melalui Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). Objektif program ini ialah untuk membimbing dan membangunkan usahawan wanita menerokai pasaran antarabangsa dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Melalui penyertaan mereka dalam aktiviti penggalakan perdagangan yang diselenggarakan oleh MATRADE pada tahun 2008, syarikat WEDP melaporkan jualan langsung sebanyak RM6.8 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM11.8 juta.

Pada tahun 2008, MATRADE meluaskan rangkaian antarabangsanya dengan pembukaan 2 pejabat perdagangan di Bangkok dan Chengdu dan 4 pejabat pemasaran di Hanoi, Tashkent, Kiev dan Phnom Penh. Manakala sebuah pejabat cawangan tempatan telah dibuka di Terengganu. Dengan pembukaan pejabat-pejabat ini, MATRADE akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan tempatan dan asing di dalam mengembangkan perniagaan mereka.

Pada tahun 2008, MATRADE telah menambah bilangan kakitangan di ibu pejabat dan juga luar negara daripada 513 kepada 563 orang. Untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh MATRADE kepada pelanggannya, MATRADE mengadakan sejumlah 202 program pembangunan sumber manusia pada tahun 2008. Program-program ini meliputi bidang Kepimpinan, Pengurusan, Kemahiran Bahasa, Pengurusan Kewangan, Pemasaran, Teknologi Maklumat dan Kerjasama Sepasukan.

Tahun 2008 merupakan tahun yang bermakna bagi MATRADE yang telah diberi pengiktirafan antarabangsa untuk perkhidmatan cemerlangnya

sebagai agensi penggalakan perdagangan nasional. MATRADE telah dianugerahkan *Islamic Solidarity Prize* oleh *Islamic Development Bank* (IDB) sebagai pengiktirafan usahanya dalam penggalakan perdagangan di kalangan anggota *Organisation of the Islamic Conference* (OIC). MATRADE juga telah menerima anugerah *Golden Merchant Award 2008* bagi *Outstanding Foreign Commercial Offices* daripada *General Chamber of Commerce of Taiwan*.

Tinjauan Perdagangan Untuk 2009

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan bahawa pada tahun 2009, ekonomi global akan menguncup sebanyak 1.4 peratus dan perdagangan global pula sebanyak 12.2 peratus. Mengambil kira keadaan ini, Malaysia dijangka akan menghadapi cabaran pada tahun 2009 untuk mengekalkan tahap perdagangan yang dicapai dalam tahun 2008.

Dalam tahun yang mencabar ini, adalah penting bagi pengeksport Malaysia untuk mengambil langkah mengekalkan kedudukan mereka di pasaran global. Ini termasuk mempergiatkan aktiviti penggalakan di pasaran sedia ada dan pasaran membangun. Selain daripada itu, syarikat-syarikat Malaysia harus mengambil langkah bagi meningkatkan daya saing mereka melalui inisiatif-inisiatif menjustifikasikan kos, pemasaran inovatif dan peningkatan produktiviti. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya kepada Ahli Lembaga Pengarah dan warga kerja MATRADE atas dedikasi mereka menjalankan tugas dan melaksanakan kesemua program yang telah menyumbang secara berkesan kepada peningkatan prestasi perdagangan negara pada tahun 2008.



Tan Sri Halim Mohammad
Pengerusi

| | |
|--|----|
| Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Akta 1992 | 6 |
| Visi, Misi dan Fungsi-fungsi | 7 |
| Lembaga Pengarah | 8 |
| Struktur Organisasi | 10 |
| Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Kanan | 11 |
| Rangkaian Antarabangsa dan Cawangan Tempatan | 12 |

MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT

**PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)**
telah diperbadankan di bawah Akta 490
UNDANG-UNDANG MALAYSIA.

AKTA 490**PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR
MALAYSIA AKTA 1992**

Suatu Akta yang membenarkan penubuhan badan korporat yang dinamakan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, dan perkara yang berkaitan dengannya.

VISI

Menempatkan Malaysia Sebagai Negara Perdagangan Global Yang Kompetitif.

MISI

Mempromosikan Enterpris Malaysia Ke Pasaran Dunia.

FUNGSI-FUNGSI

- Menggalak, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan penekanan ke atas eksport keluaran terkilang dan separa terkilang dan terlibat dalam aktiviti import secara selektif;
- Membentuk dan melaksanakan suatu strategi pemasaran eksport negara bagi menggalakkan pengeksportan keluaran terkilang dan separa terkilang;
- Menjalankan risikan komersil dan kajian pasaran dan mewujudkan suatu pangkalan data maklumat yang komprehensif bagi mempertingkatkan dan membangunkan perdagangan;
- Mengelolakan program-program latihan bagi mempertingkatkan kemahiran pemasaran antarabangsa pengeksport-pengeksport Malaysia;
- Menambah dan melindungi kepentingan-kepentingan perdagangan antarabangsa Malaysia di luar negeri;
- Mewakili Malaysia dalam mana-mana forum antarabangsa berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubung dengan perdagangan;
- Membangunkan, menggalakkan, memudahkan dan membantu dalam bidang-bidang perkhidmatan yang berhubung dengan perdagangan; dan
- Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau dengan apa-apa jua cara berkaitan dengan perdagangan dan untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan atau bagi mana-mana orang, badan atau organisasi mengenai perkara-perkara sedemikian.



YBhg. Datuk Seri Shahril Shamsuddin
01/08/1999—31/07/2010

YBhg. Dato' Wong Siew Hai
01/08/2005—31/07/2010

YBhg. Dato' Md. Noor Mohammad Yusoff
01/08/2002—31/07/2008

YBhg. Tan Sri Halim Mohammad
Pengerusi 16/09/1997—15/04/2010

YBhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir
01/08/1999—31/07/2010

YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin
01/06/2003—31/05/2011

YBhg. Datuk Hj. Ahmad Ali Lope Abdul Aziz
01/08/2005—31/07/2010

YBhg. Datuk Zaid Ibrahim
01/06/2006—19/03/2008

YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat
03/09/2006—06/12/2010

En. Koshy Thomas
01/08/2008—31/07/2010

En. Mohd Fauzi Rahmat
01/08/2008—31/07/2010



Pn. Nor Azian Dato' Haji Yahya
16/01/2006—28/07/2008

Pn. Nurmala Abd. Rahim
02/03/2007—01/03/2010

YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur
01/05/2008—30/04/2011


YBhg. Dato' Noharuddin Nordin

PENGURUSAN KANAN



STRUKTUR ORGANISASI MATRADE

MATRADE mengekalkan struktur organisasinya dengan terus berlandaskan kepada 2 fungsi utamanya, iaitu penggalakan eksport Malaysia dan pembangunan produk dan perkhidmatan. Pada tahun 2008, MATRADE menubuhkan 2 pejabat perdagangan dan 4 pejabat pemasaran. Cawangan tempatan baru telah dibuka di Terengganu. Pengembangan rangkaian MATRADE melihat jumlah kakitangannya meningkat kepada 563 orang dari 513 orang pada tahun sebelumnya.





1 YBhg. Dato' Noharuddin Nordin

Ketua Eksekutif

2 En. Mohamad Kamarudin Hassan

Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan)

3 Dr. Wong Lai Sum

Timbalan Ketua Eksekutif (Penggalakan Perdagangan)

4 En. Jamaludin Hussain

Pengarah Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan

5 En. Zakaria Kamaruddin

Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Pengeksport

6 Pn. Susila Devi

Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

7 En. Md. Silmi Abd. Rahman

Pengarah, Seksyen Eropah, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

8 En. Dzulkifli Mahmud

Pengarah, Seksyen Asia Barat / Afrika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

9 En. Mohamad Sabri Ab. Rahman

Pengarah, Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

10 YM. Tg. Ashaharina Tg. Ahmad

Pengarah, Seksyen Kemahiran Pengeksport dan Sokongan Pasaran, Bahagian Pembangunan Pengeksport

11 Pn. Wan Norma Wan Daud

Pengarah, Seksyen Produk, Bahagian Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

12 YM. Raja Nor Zihan Raja Mohsin

Pengarah, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

13 En. Prakas Nair

Pengarah, Seksyen Amerika, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

14 En. Mohd. Mustafa Abdul Aziz

Pengarah, Seksyen Asia Timur / ASEAN, Bahagian Rangkaian Antarabangsa dan Galakan Perdagangan

15 En. Mohd. Aminuddin Sham Tajudin

Pengarah, Bahagian Perancangan Strategik

JAWATANKUASA AUDIT

1 YBhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir

2 YBhg. Dato' Wong Siew Hai

3 YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin

4 YBhg. Dato' Md. Noor Mohammad Yusoff

(sehingga 31 Julai 2008)

5 Pn. Nor Azian Dato' Haji Yahya

(sehingga 31 Julai 2008)

6 En. Koshy Thomas

7 YBhg. Datuk Haji Ahmad Ali Lope Abdul Aziz

RANGKAIAN ANTARABANGSA MATRADE

PESURUHJAYA PERDAGANGAN DAN PENOLONG PESURUHJAYA PERDAGANGAN

AFRIKA**KAHERAH, MESIR**

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy Of Malaysia
Commercial Section
(MATRADE)
17th Floor North Tower
Nile City Building
Cornish El-Nil Street,
Cairo, Egypt
Tel :00-2-02-2-461 9063
:00-2-02-2-461 9064
Faks:00-2-02-2-461 9065
Emel:
cairo@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Wan Ahmad Tarmizi
Wan Idris

**JOHANNESBURG,
AFRIKA SELATAN**

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia Trade Centre
Ground Floor Building 5
Commerce Square
Office Park, 39 Rivonia
Road Sandhurst
Sandton Johannesburg,
South Africa
Tel :00-27-11-268 2380
:00-27-11-268 2381
Faks:00-27-11-268 2382
Emel:
johannesburg@matrade.
gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Mansor Shah Wahid
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Norman Dzulkarnain
Mohd. Nasri

NAIROBI, KENYA

Pesuruhjaya Perdagangan
Trade Commissioner
3rd Flr Victoria Towers
Kilimanjaro Avenue –
Upper Hill
P.O. Box 48916, 00100 GPO
Nairobi Kenya
Tel :00-254-20-273 0070
:00-254-20-273 0071
Faks:00-254-20-273 0069
Emel:
nairobi@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Mohd. Azuri Zukainain

AUSTRALIA**SYDNEY, AUSTRALIA**

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate of Malaysia
Level 4 Malaysia Airlines
Building, 16 Spring Street,
Sydney NSW 2000, Australia
Tel :00-61-2-9252 2270
Faks:00-61-2-9252 2285
Emel:
sydney@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Ong Yew Chee
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Pn. Anita Abdul Aziz

ASIA TIMUR**BEIJING, REPUBLIK
RAKYAT CHINA**

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Trade Section (MATRADE)
Unit E 11th Floor Tower B,
Gateway Plaza
No18 Xiaguangli, North Road
Dongsanhuan, Chaoyang
District, Beijing 100027
People's Republic of China
Tel :00-86-10-8451 5109
:00-86-10-8451 5113
:00-86-10-8451 5110
Faks:00-86-10-8451 5112
Emel:
beijing@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Too Kia Hong
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Chong Yun Jang

**CHENGDU, REPUBLIK
RAKYAT CHINA**

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
Chengdu Representative
Office, Level 14, Unit 1402-
1404, The Office Tower
Shangri-La Centre
9 Binjiang Road (East)
Chengdu 610021, Sichuan
Province
People's Republic of China
Tel : +86 28 6687 7517
Faks: +86 28 6687 7524
Emel:
chengdu@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Iszam Khail Ishak

**GUANGZHOU, REPUBLIK
RAKYAT CHINA**

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General Of M'sia
Trade Section (MATRADE)
Unit 5305 CITIC Plaza
Office Tower, 233 Tianhe Bei
Road, Guangzhou 510610
Guangdong
People's Republic of China
Tel : 00-86-20-3877 3975 (DL)
: 00-86-20-3877 3865 (GL)
Faks:00-86-20-3877 3985
Emel:
guangzhou@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Sim Kok Aun
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Mohd. Salleh Azwa
Samshudin

**SHANGHAI, REPUBLIK
RAKYAT CHINA**

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General of M'sia
Trade Section, Unit 807-810
Level 8, Shanghai Kerry
Centre, No 1515 Nan Jing
Road (West) Shanghai 200040
People's Republic of China
Tel :00-86-21-6289 4467
:00-86-21-6289 4420
Faks:00-86-21-6289 4381
Emel:
shanghai@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Kua Kiat Chye
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Pn. Aireen Syariza Tahir

HONG KONG SAR

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General of M'sia
Trade Section
19th Floor Malaysia Building
50 Gloucester Road Wanchai
Hong Kong Special
Administrative
Region of the People's
Republic of China
Tel :00-852-2527 8109
Faks:00-852-2804 2866
Emel:
hongkong@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Choong Wan Sern
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Cik Hazlinda Anwar

ASIA SELATAN

TOKYO, JEPUN

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
Trade Commissioner
Ginza Showadori Building 6F
8-14-14 Ginza Chuo-ku
Tokyo 104-0061, Japan
Tel :00-81-3-3544 0712
:00-81-3-3544 0713
Faks:00-81-3-3544 0714
Emel: tokyo@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Yuslinawati Mohd Yusof

OSAKA, JEPUN

Pegawai Pemasaran
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
Mainichi Intecio 18F
3-4-5 Umeda Kita-ku
Osaka 530-0001, Japan
Tel :00-81-6-6451 6520
Faks:00-81-6-6451 6521
Emel: osaka@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran:
En. Hiroshi Hashizume

TAIPEI, TAIWAN

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysian Friendship
& Trade Centre
Trade Division (MATRADE)
10F-D Hung Kuo Building
No 167 Dun Hua North Road
Taipei 105, Taiwan
Tel :00-886-2-2545 2260
Faks:00-886-2-2718 1877
Emel: taipei@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Muhd. Shahrulmiza
Zakaria

SEOUL, KOREA SELATAN

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
(Trade & Investment Section)
17th Floor SC First Bank
Building, 100 Gongpyeong-
Dong, Jongno-Gu, Seoul
110-702, Republic of Korea
Tel : 00-82-2-739 6812 (DL)
: 00-82-2-739 6813/6814 (GL)
Faks:00-82-2-739 6815
Emel: seoul@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Muna Abu Bakar

CHENNAI, INDIA

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General of
Malaysia
Malaysian Trade
Commissioner
Capitale 2A 2nd Floor
554 & 555, Anna Salai,
Teynampet
Chennai 600018, India
Tel :00-91-44-2431 3723
:00-91-44-2431 3723
Faks:00-91-44-2431 3725
Emel:
chennai@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Md. Zainuddin A. Jalil
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Khaifil Elmi Jamil

ASIA TENGAH

TASHKENT, UZBEKISTAN

Pegawai Pemasaran
Trade Office (MATRADE)
Embassy of Malaysia
28, Maryam Yakubova Street
Yakkasaray District, 100 031
Tashkent
Republic of Uzbekistan
Tel :+998 71 256 67 07
Faks:+998 71 256 69 09
Emel:
tashkent@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran:
En. Abdulaziz Yunosov

ASIA TENGGARA

JAKARTA, INDONESIA

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Malaysia External Trade
Development Corporation
12th Floor Plaza Mutiara
Suite 1201 Jl Lingkar
Kuningan
Kav. E1.2, No 1 & 2
Kawasan Mega Kuningan
Jakarta 12950, Indonesia
Tel :00-62-21 576 4322 (DL)
:00-62-21-576 4297
Faks:00-62-21-576 4321
Emel:
jakarta@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Haridass Nagalingam
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Mohd. Amin Bakar

MANILA, FILIPINA

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia External Trade
Development Corporation
Embassy of Malaysia
(Trade Office)
10/F The World Centre
330 Sen Gil Puyat Avenue,
Makati City 1200
Metro Manila, Philippines
Tel :00-63-2-864 0761
Faks:00-63-2-891 1695
Emel:
manila@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Arieff Aaron Abdullah

SINGAPURA

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
33#-01/03 Shaw Towers
100 Beach Road
189702, Singapore
Tel :00-65-6392 2238
Faks:00-65-6392 2239
Emel:
singapore@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. M. Thambirajah
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Pn. Nor Marieta Nor Maidin

BANGKOK, THAILAND

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
(Trade Office)
35 South Sathorn Road
Tungmahamed Sathorn
Bangkok 10120, Thailand
Tel :00-66-2 629 6800-9
ext:2209
Faks:00-66-2-679 2131
Emel:
bangkok@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Jai Shankar Suppayah

HO CHI MINH CITY, VIET NAM

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General of
Malaysia
Trade Commissioner
1208 12th Floor, Me Linh
Point Tower, No 2 Ngo Duc
Ke Street
District 1, Ho Chi Minh City
Viet Nam
Tel :00-84-8-3829 9023
Faks:00-84-8-3823 1882
Emel:
hcmc@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Azahar Mohamed

HANOI, VIET NAM

Pegawai Pemasaran
Embassy of Malaysia
Trade Office (MATRADE)
45-46 Dien Bien Phu Street
Ba Dinh District
Hanoi, Viet Nam
Tel :+844 3734 7521
Faks: +844 3734 7520
Emel:hanoi@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran:
En. Pham Van Hoi

PHNOM PENH

Pegawai Pemasaran
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
No. 10, Street 242, Vithei
Okhna Peich, Sangkat
Chaktomuk, Khan Daun
Penh, Phnom Penh
Cambodia
Tel & faks: +855 23 724 003
Emel:
phnompenh@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran:
En. Pol Samon

RANGKAIAN ANTARABANGSA MATRADE

PESURUHJAYA PERDAGANGAN DAN PENOLONG PESURUHJAYA PERDAGANGAN

ASIA BARAT**DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU**

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia Trade Centre
Lot 1-3 Ground & 6-10
Mezzanine Floors, Al-Sa-
feena Building (Near Lamcy
Plaza), Zaabeel Road
P.O. Box 4598, Dubai
United Arab Emirates
Tel :00-971-4-335 5528
 :00-971-4-335 5538
Faks:00-971-4-335 2220
Emel: dubai@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Noraslan Hadi Abdul Kadir
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan: En. Adli
Haikal Abdul Hanib

JEDDAH, ARAB SAUDI

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate General of
Malaysia
Commercial Section
14th Floor Saudi Business
Centre, Madina Road, P.O
Box 20802, Jeddah 21465,
Saudi Arabia
Tel :00-966-2-653 2143
 :00-966-2-653 2198
Faks:00-966-2-653 0274
Emel:
jeddah@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Amran Yem

EROPAH**PARIS, PERANCIS**

Pesuruhjaya Perdagangan
Service Commercial De
Malaisie
De L'Ambassade De Malaisie
90 Avenue des Champs
Elysees
75008 Paris, France
Tel :00-33-1-4076 0000
 :00-33-1-4076 0034
Faks:00-33-1-4076 0001
Emel: paris@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Aureen Jean Nonis
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Rosli Mat Hassim

COLOGNE, JERMAN

(Telah berpindah ke
Frankfurt)
Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Trade Section (MATRADE)
Rolex Haus 6th Etage
Dompropst-Ketzer-
Strasse-1-9
50667 Cologne, Germany
Tel :00-49-221-124 000
 :00-49-221-124 007
Faks:00-49-221-139 0416
Emel:
cologne@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Raja Badrulnizam Raja
Kamalzaman
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan: Pn. Noor
Hayati Abu Noh

BUDAPEST, HUNGARY

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Trade Section (MATRADE)
Ground Floor, Museum
Atrium
Dozsa Gyorgy ut 84/b
1068 Budapest, Hungary
Tel :00-36-1-461 0290
Faks:00-36-1-461 0291
Emel:
budapest@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Wan Azhamuddin Jusoh

MILAN, ITALI

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate of Malaysia
Malaysia External Trade
Development Corporation
(MATRADE)
Piazza Missori 3
4th Floor, 20123, Milan, Italy
Tel :00-39-02-669 81839
Faks:00-39-02-670 2872
Emel:
milan@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Razida Hanim Abdul
Razak

KIEV, UKRAINE

Pegawai Pemasaran
Embassy of Malaysia
Trade Officer (MATRADE)
No. 25 Bulivska Street
Perchersk, Kiev 01014,
Ukraine
Tel :+380 44 286 7128
Faks:+ 380 44 286 8942
Emel: kiev@matrade.gov.my
Pegawai Pemasaran:
En. Vitaly Vladimirovich
Boiko

MOSCOW, RUSIA

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Trade Section (MATRADE)
Mosfilmovskaya Ulitsa 50
Moscow 117192, Russian
Federation
Tel :00-7-499-147 1514
 :00-7-499-147 1523
Faks:00-7-499-143 6043
Emel:
moscow@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Khairul Nizam Moonier

AMERIKA UTARA

THE HAGUE, BELANDA

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Commercial Section
(MATRADE)
Rustenburgweg 2
2517 KE The Hague
The Netherlands
Tel :00-31-10-4627 759
Faks:00-31-10-4627 349
Emel:
rotterdam@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Rusiah Mohamed

LONDON, UNITED KINGDOM

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysian Trade
Commission (MATRADE)
3rd & 4th Floor, 17 Curzon
Street, London W1J 5HR,
United Kingdom
Tel :00-44-20-7499 5255
:00- 44-20-7499 4644
Faks:00-44-20-7499 4597
Emel:
london@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Abu Bakar Koyakutty
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Pn. Marina Yusof

LOS ANGELES, AMERIKA SYARIKAT

Pesuruhjaya Perdagangan /
Konsul Komersil
Consulate General of
Malaysia
Commercial Section
(MATRADE)
550 South Hope Street,
Suite 400, Los Angeles
90071, California
United States of America
Tel :00-1-213-892 9034
Faks:00-1-213-955 9142
Emel:
losangeles@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Sharimatun Mat Saleh
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
En. Megat Iskandar Ahmad
Dassilah

MIAMI, AMERIKA SYARIKAT

Pesuruhjaya Perdagangan
Malaysia Trade Center
703 Waterford Way, Suite 150
Miami, Florida 33126
United States of America
Tel :00-305-267-8779
Faks:00-305-267-8784
Emel:
miami@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Islahuddin Abu Hassan

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT

Pesuruhjaya Perdagangan /
Konsul Komersil
Consulate General of
Malaysia
Commercial Section
(MATRADE)
3rd Floor, 313 East 43rd
Street , New York NY 10017
United States of America
Tel :00-1-212-682 0232
Faks:00-1-212-983 1987
Emel:
newyork@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Wan Latiff Wan Musa
Penolong Pesuruhjaya
Perdagangan:
Pn. Siti Azlina Ali Hanafiah

TORONTO, KANADA

Pesuruhjaya Perdagangan
Consulate of Malaysia
(Trade Office)
Trade Commissioner
First Canadian Place
Suite 5130 (P.O.Box 389)
100 King Street West
Toronto Ontario M5X 1E2,
Canada
Tel :00-1-416-504 6111
Faks:00-1-416-504 8315
Emel:
toronto@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
Pn. Zalela Jaafar

AMERIKA SELATAN

SAO PAULO, BRAZIL

Pesuruhjaya Perdagangan
Embassy of Malaysia
Escritorio Comercial,
Alameda
Santos 771, Sala 72 7 andar,
01419-001 Sao Paulo, SP
Brazil
Tel :00-55-11-3285 2966
Faks:00-55-11-3289 1595
Emel:
saopaulo@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Khairul Annuar Abd
Halim

SANTIAGO, CHILE

Pesuruhjaya Perdagangan
Oficina Commercial De
Malasia (MATRADE)
Embajada De Malasia
Avda. Tajarar 183
Oficina 302 - Las Condes,
Santiago, Chile
Tel :00-56-2-234 2647
Faks:00-56-2-234 2652
Emel:
santiago@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Niqman Rafeae Mohd.
Sahar

MEXICO CITY, MEXICO

Pesuruhjaya Perdagangan
Trade Office
Embassy of Malaysia
Mexico City
Paseo de Las Palmas # 425
Torre Optima 3 Office
1101 & 1102
Col. Lomas de Chapultepec
Del. Miguel Hidalgo
C.P.11000, Mexico D.F.
Tel :00-5255 5201 4540
Faks:00-5255 5202 7338
Emel:
mexicocity@matrade.gov.my
Pesuruhjaya Perdagangan:
En. Md. Shaiful Md. Shariff

CAWANGAN TEMPATAN

IBU PEJABAT

KUALA LUMPUR

Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Menara MATRADE
Jalan Khidmat Usaha
Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur,
Malaysia
Tel : 6-03-6207 7077
Faks: 6-03-6203 7037
: 6-03-6203 7033
Emel: info@matrade.gov.my
Website:
www.matrade.gov.my

PEJABAT CAWANGAN

PULAU PINANG

Pengarah
Pejabat MATRADE
Wilayah Utara
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
1st Floor FMM Building
2767 Mukim 1 Lebu
Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Perai
Tengah, Pulau Pinang
Tel : 6-04-398 2020
Faks: 6-04-398 2288
Emel:
penang@matrade.gov.my
Pengarah: En. Mazlan Harun
Penolong Pengarah:
Pn. Noor Asiah Mahmud

TERENGGANU

Pengarah
Pejabat MATRADE
Wilayah Timur
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Tingkat 5, Menara Yayasan
Islam, Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 6-09-624 4778
Faks: 6-09-624 0778
Emel:
terengganu@matrade.gov.my
Pengarah:
Pn. Hasziah Mat Yazid
Penolong Pengarah:
En. Hafidz Shukri Junit

SARAWAK

Pengarah
MATRADE Sarawak
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Tingkat 10, Menara Grand
Lot 42, Section 46, Ban
Hock Road 93100 Kuching,
Sarawak
Tel : 6-082-246 780
Faks: 6-082-256 780
Emel:
sarawak@matrade.gov.my
Pengarah:
En. Ahmad Shanizam
Ab. Ghani
Penolong Pengarah:
Pn. Trra Banau Gilbert Taylor

JOHOR

Pengarah
Pejabat MATRADE
Wilayah Selatan
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Suite 6B Tingkat 6
Menara Ansar 65 Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 6-07-222 9400
Faks: 6-07-222 9500
Emel: johor@matrade.gov.my
Pengarah:
En. Har Man Ahmad
Penolong Pengarah:
En. Mohamad Imran Hamzah

SABAH

Pengarah
MATRADE Sabah
Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia
(MATRADE)
Lot C5.2A, Tingkat 5, Blok C
Bangunan KWSP
Jalan Karamunsing
88100 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 6-088-240 881
: 6-088-242 881
Faks: 6-088-243 881
Emel:
sabah@matrade.gov.my
Pengarah:
En. Syed Zahirulldin Syed Ali
Penolong Pengarah:
En. Azmir Abd. Ghaffar

Mempamerkan Kebolehan Malaysia 18

Tumpuan Aktiviti Penggalakan Perdagangan 18

Meluaskan Sempadan Halal 19

Mengoptimalkan Peluang Serantau 20

Peningkatan Sektor Perkhidmatan 20

Menerokai Pasaran Baru 21

Pengiktirafan Sumber Manusia 22

Perkongsian Pengetahuan 23

Merancang Hala Tuju 26

TUMPUAN KORPORAT

TUMPUAN AKTIVITI PENGGALAKAN PERDAGANGAN

Pada tahun 2008, MATRADE meneruskan program-program penggalakan perdagangan yang agresif dalam usaha mengembangkan pasaran global bagi produk dan perkhidmatan Malaysia. Sebanyak 228 aktiviti penggalakan perdagangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 tertumpu kepada pasaran maju dan membangun untuk pelbagai produk dan perkhidmatan.



MIHAS 2008 dan INTRADE Malaysia 2008 disambut dengan amat baik oleh komuniti perniagaan

Program-program penggalakan yang dilaksanakan pada tahun 2008 dirancang melalui rundingan bersama pemimpin industri meliputi penyertaan dalam 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 11 Misi Pemasaran, 26 Misi Belian, 46 kaunter promosi dan 26 kaunter informasi. Penekanan yang lebih telah diberikan kepada penganjuran Misi Pemasaran Khusus dan Misi Belian yang diadakan sempena acara perdagangan dalam negara di mana aktiviti-aktiviti ini terbukti berkesan dalam menjana peluang perniagaan.

Sejumlah 1,082 syarikat telah mendapat manfaat dari penyertaan mereka di dalam aktiviti penggalakan ini. Syarikat-syarikat ini telah melaporkan jualan langsung sebanyak RM352.23 juta dan jualan dalam rundingan RM42.31 bilion.

Pameran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan oleh MATRADE di Malaysia menawarkan peluang yang besar kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengekal dan mengembangkan syer pasaran global mereka.

MIHAS 2008 yang diadakan bagi kali kelima dari 7 hingga 11 Mei, meletakkan Malaysia sebagai pusat halal dunia dan memberikan syarikat Malaysia, terutamanya EKS, peluang menceburi pasaran halal antarabangsa.

INTRADE Malaysia yang telah diadakan buat kali keduanya dari 13 hingga 16 November 2008, meluaskan lagi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia bagi mengembangkan eksport. Misi Belian yang dianjurkan semasa kedua-dua pameran ini telah menghasilkan jualan langsung dan jualan dalam rundingan yang amat menggalakkan.

Pada tahun 2008, buat kali pertamanya Malaysia Services Exhibition (MSE) telah diadakan dari 13 hingga 15 Januari di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, yang mempamerkan perkhidmatan 168 syarikat-syarikat Malaysia, persatuan dan agensi kerajaan. Pameran ini mendapat sambutan yang baik dan liputan luas dari pihak media bukan sahaja di Emiriah Arab Bersatu malah di rantau Teluk. Syarikat-syarikat yang menyertai pameran ini mencatatkan peluang perniagaan berpotensi bernilai RM39.02 bilion.

MELUASKAN SEMPADAN HALAL



MIHAS 2008 menarik perhatian mendalam daripada industri halal

MIHAS 2008 yang bertemakan “*Bridging the Global Halal Market*” diadakan di Menara MATRADE, Kuala Lumpur dari 7 hingga 11 Mei 2008. Acara ini yang diadakan buat kali kelima berturut-turut, dianjurkan oleh MATRADE dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Pameran selama 5 hari ini yang dirasmikan YAB Perdana Menteri disertai oleh 507 peserta dari 25 negara. Lima negara utama yang menyertai acara ini adalah Republik Rakyat China, Indonesia, Iran, Brunei dan Singapura. Ianya sekali lagi berjaya menghasilkan jualan dan peluang perniagaan baru bagi industri halal.

Misi belian yang dianjurkan oleh MATRADE sempena MIHAS menyaksikan penyertaan 442 syarikat dari 57 negara. Antara produk dan perkhidmatan utama yang mendapat permintaan yang baik adalah makanan dan minuman, minyak sawit, konfeksionari, farmaseutikal dan perubatan serta penjagaan

kesihatan. Delegasi terbesar adalah dari Republik Rakyat China dengan 65 syarikat, diikuti oleh United Kingdom dengan 22 syarikat, Thailand dengan 16 syarikat dan Filipina dengan 14 syarikat. Sejumlah 5,328 mesyuarat perniagaan diaturnya antara pembeli asing dan 585 syarikat Malaysia. Mesyuarat ini menghasilkan jualan langsung sebanyak RM185.3 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.02 bilion.

Selain daripada peningkatan dalam bilangan pempamer, MIHAS 2008 juga mencatatkan peningkatan dalam jumlah pelawat dari 36,796 orang pada 2007 ke 41,862 orang.

Semasa pameran, sesi taklimat perdagangan juga diaturnya untuk menyampaikan maklumat mengenai peluang dalam industri halal di pelbagai pasaran termasuk Croatia, Turki, Sudan, Iran dan Slovenia.

Satu inisiatif baru yang diambil oleh MATRADE semasa MIHAS 2008 adalah pelancaran *Halal Exchange* dengan kerjasama vLinx Inc. *Halal Exchange* ini memberikan syarikat Malaysia satu landasan elektronik untuk mempromosikan produk halal mereka secara global.

Selain MIHAS, pelbagai inisiatif telah diambil untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan halal Malaysia ke pasaran luar negara. Ini termasuk Misi Pemasaran Khusus ke Indonesia, Republik Rakyat China dan Turki.

MENGOPTIMAKAN PELUANG SERANTAU

Pameran INTRADE Malaysia 2008 yang dianjurkan oleh MATRADE dari 13 hingga 16 November di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE (MECC) telah menarik 325 penyertaan dari Malaysia dan 43 dari negara asing. Sejumlah 10,693 pelawat dari 55 negara mengunjungi pameran ini.



INTRADE Malaysia 2008 telah menjadi pusat tumpuan untuk ahli perniagaan



Tapak luar yang digunakan semasa INTRADE Malaysia 2008

Pameran ini yang diposisikan sebagai pameran perdagangan antarabangsa di rantau ASEAN mempamerkan pelbagai produk termasuk produk elektrik dan elektronik, minyak sawit, makanan dan minuman, perabot, komponen automotif, bahan pembungkusan, tekstil dan pakaian, kosmetik, produk farmaseutikal dan alat tulis.

Walaupun keadaan ekonomi global yang tidak menentu, INTRADE Malaysia 2008 mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari segi bilangan pelawat dan hasil jualan. Di antara acara tumpuan pameran ini adalah penganjuran Misi Belian di mana 527 pembeli asing yang terpilih ditemukan dengan 841 syarikat Malaysia. Antara pembeli terbesar adalah dari Asia Barat, Afrika, ASEAN, Eropah Timur, Asia Timur Laut dan Asia Selatan yang telah menunjukkan minat untuk mengimport produk makanan dan minuman, perabot, kosmetik, produk perubatan serta produk elektrik dan elektronik.

Semasa Misi Belian tersebut, sejumlah 7,620 pertemuan perniagaan telah diatitkan dan menghasilkan jualan langsung bernilai RM198.9 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.41 bilion.

Sempena INTRADE Malaysia 2008, KLITF 2008 telah diadakan pada 13 November 2008 yang bertemakan "Optimising Global Opportunities". Forum ini memberikan maklumat terkini mengenai isu-isu yang mempengaruhi perniagaan global, pemahaman lebih mendalam kepada prospek dan peluang, di samping dapat memberi peluang menjalin rangkaian perniagaan di kalangan peserta. Antara mereka yang berucap adalah YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memberi ucapan utama dan YBhg. Dato' A. K. Nathan, Pengarah Pengurusan Kumpulan dari Eversendai Corporation Sdn Bhd. Seramai 1,100 peserta menghadiri forum ini.

MEMPAMERKAN KEMAMPUAN MALAYSIA DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN



*Orang kenamaan di upacara
pembukaan MSE 2008*



*Pelawat dari Emiriah Arab Bersatu
rantau sekitarnya yang mengunjungi
pameran perkhidmatan pertama Malaysia
di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu*

Dalam usaha untuk mempromosikan sektor perkhidmatan Malaysia di pasaran yang membangun, MATRADE telah menganjurkan pameran pertama MSE 2008 di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu dari 13 hingga 15 Januari 2008. Objektif pameran ini adalah untuk mempamerkan kebolehan Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan yang bertaraf dunia khususnya ke Asia Barat dan rantau Afrika Utara, Benua Kecil India dan negara-negara CIS. Acara ini juga bertujuan untuk membina penjenamaan dan meningkatkan penonjolan pembekal perkhidmatan Malaysia serta menjalin perikatan strategik dengan para pelanggan berpotensi di rantau-rantau ini.

Putera Mahkota dan Timbalan Pemerintah Sharjah, HH Sheikh Sultan Bin Mohamed Bin Sultan Al Qassimi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Tan Sri Rafidah Aziz bersama-sama merasmikan pembukaan pameran ini pada 13 Januari 2008.

Sejumlah 168 syarikat perkhidmatan Malaysia dan agensi kerajaan dari sektor pembinaan, pendidikan, latihan khusus, penajaan tenaga dan kuasa, kejuruteraan, teknologi dan inovasi, perkhidmatan kewangan, francais, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan hospital, ICT, logistik dan pengangkutan, perkhidmatan pengurusan, minyak dan gas serta perkhidmatan profesional menyertai pameran ini.

Sempena MSE 2008, *Malaysia Services Forum* telah diadakan selama 2 hari bagi berkongsi dan memperlihatkan kemahiran serta kebolehan Malaysia di dalam pelbagai sektor. MSE 2008 menerima 3,656 pelawat yang terdiri daripada pegawai kanan kerajaan Emiriah Arab Bersatu

dan ahli perniagaan dari Arab Saudi, Kuwait, Oman serta negara-negara dari Afrika dan Asia Selatan.

Peserta Malaysia di MSE 2008 menerima sejumlah 2,757 pertanyaan perdagangan dan 501 peluang perniagaan berpotensi telah dikenal pasti. Hasil daripada mesyuarat perniagaan, sebanyak 31 projek berpotensi yang bernilai RM39.02 bilion dilaporkan. Projek-projek ini berlokasi di Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Maghribi, Syria, Libya, Iraq, India, Romania dan Azerbaijan merangkumi perkhidmatan pembinaan, minyak dan gas, perkhidmatan profesional, kejuruteraan, teknologi dan inovasi serta ICT.

MSE 2008 menerima liputan luas dari media cetak dan elektronik di Emiriah Arab Bersatu dan rantau sekitarnya. Peserta Malaysia di MSE 2008 menimba pengalaman berharga dari segi memahami keunikan pasaran dan keperluan dalam menjalankan perniagaan di Asia Barat.

MENEROKAI PASARAN BARU

Di samping meneruskan aktiviti penggalakan di pasaran tradisional, MATRADE juga mempergiatkan program penggalakan di pasaran baru dan yang membangun pada tahun 2008. Ini bertujuan mengambil peluang perniagaan dalam pasaran-pasaran berkenaan.



Pelbagai kelompok perkhidmatan dipamerkan di MSE 2008

Pada tahun 2008, MATRADE menganjurkan 228 program antarabangsa di pasaran sedia ada dan yang membangun yang disasarkan untuk mengembangkan pencapaian pengeksporth Malaysia di arena antarabangsa. Program-program ini termasuk:

- 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa
- 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan
- 11 Misi Pemasaran
- 26 Misi Belian
- 46 Kaunter Promosi
- 55 seminar, taklimat dan bengkel
- 26 kaunter maklumat di pameran domestik

Antara Pameran Perdagangan Antarabangsa yang mencatatkan keputusan memberangsangkan adalah MSE 2008, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (jualan bernilai RM39.02 bilion), *Middle East Electricity Show 2008*, Dubai, Emiriah Arab Bersatu (RM1.04 bilion), *5th China-ASEAN Expo*, Nanning, Republik Rakyat China (RM341.18 juta), *Gulfood 2008*, Dubai, Emiriah Arab Bersatu (RM170.1 juta), *Sial Paris 2008*, Paris, Perancis (RM115.26 juta), *Foodex 2008*, Tokyo, Jepun (RM91 juta) dan *Arab Health 2008*, Dubai, Emiriah Arab Bersatu (RM58.1 juta). Bagi Misi Perdagangan dan Pelaburan, jualan berjumlah RM4.56 bilion dicatatkan hasil dari misi-misi ke Kuwait, Oman, Viet Nam dan Amerika Syarikat.

Dari jumlah program penggalakan perdagangan yang dijalankan pada tahun 2008, hampir 50 peratus menasasarkan pasaran baru dan membangun. Pasaran ini termasuk India, Kazakhstan, Republik Rakyat China, Viet Nam, Ghana, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu, Romania, ASEAN dan Persekutuan Rusia. Hasil dari program penggalakan ini, produk dan perkhidmatan Malaysia telah bertapak dengan kukuh dan terserlah dalam pasaran baru dan yang membangun. Ini terbukti dengan peningkatan jumlah eksport Malaysia dari 32.8 peratus pada tahun 2000 kepada 42 peratus pada tahun 2008 ke pasaran baru dan membangun.

Bagi aktiviti penggalakan yang disasarkan ke pasaran baru dan membangun, Pameran Perdagangan Antarabangsa mencatat jualan langsung sebanyak RM122.17 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM1.74 bilion; Misi Perdagangan dan Pelaburan menghasilkan jualan langsung sebanyak RM1.2 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.07 bilion; Misi Pemasaran Khusus dan Am mencatat jualan langsung sebanyak RM2.61 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM1.24 bilion; dan Misi Belian mencatat jualan langsung sebanyak RM186 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.24 bilion.


PENINGKATAN SUMBER MANUSIA

MATRADE terus meningkatkan bilangan kakitangannya pada tahun 2008 kepada 563 orang berbanding dengan 513 orang pada tahun sebelumnya. Dalam memenuhi objektif memberi khidmat pelanggan yang cemerlang, sejumlah 202 program pembangunan sumber manusia dikendalikan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan MATRADE.

Program latihan tertumpu kepada:

- Kepimpinan
- Latihan Peribadi
- Pengurusan
- Kemahiran Bahasa
- Pengurusan Kewangan
- Pemasaran
- Teknologi Maklumat
- Kursus Motivasi
- Kerjasama Sepasukan
- Program *Attachment*

Sejumlah 14 peperiksaan jabatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang meliputi pelbagai skim perkhidmatan dikendalikan. Seramai 32 orang kakitangan MATRADE menerima “Anugerah Perkhidmatan Cemerlang” sebagai pengiktirafan prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka.



PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

Pencapaian dan taraf perkhidmatan MATRADE telah diiktirafkan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2008, MATRADE menerima pengiktirafan antarabangsa bagi perkhidmatan cemerlang sebagai agensi penggalakan perdagangan nasional dari *Islamic Development Bank (IDB)* dan *General Chamber of Commerce Taiwan*.

IDB menganugerahkan MATRADE dengan *Islamic Solidarity Prize* sebagai pengiktirafan usaha menggalakkan perdagangan di kalangan negara anggota OIC. Antara negara anggota OIC, MATRADE merupakan institusi pertama yang dianugerahkan di bawah kategori penggalakan perdagangan. *General Chamber of Commerce Taiwan* menganugerahkan MATRADE dengan *Golden Merchant Award 2008* bagi pejabat komersil luar negara yang cemerlang. Anugerah-anugerah ini juga mengiktiraf dedikasi kakitangan MATRADE dalam memberikan perkhidmatannya.



Presiden Islamic Development Bank Group H. E. Dr. Ahmad Mohamed Ali (kiri) dan Presiden Turki H. E. Dr. Abdullah Gul (tengah) menyampaikan anugerah kepada Ketua Eksekutif MATRADE YBhg. Dato' Noharuddin Nordin (kanan) di Turki

PERKONGSIAN PENGETAHUAN

MATRADE telah bekerjasama dengan pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa dalam program membina kapasiti dalam penggalakan perdagangan. Kebanyakan peserta terdiri daripada pegawai kanan organisasi penggalakan perdagangan, khususnya dari negara anggota OIC.

Dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU), MATRADE menganjurkan *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) bagi kali ketiga yang bertemakan “*Malaysia – Sharing of Experience in Trade Promotion for OIC Member Countries*” dari 22 hingga 31 Julai 2008.

Program selama 10 hari ini telah disertai oleh 34 peserta di mana 26 peserta adalah dari 23 negara anggota OIC khususnya, Azerbaijan, Bangladesh, Brunei, Mesir, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Republik Kyrgyz, Maghribi, Nigeria, Pakistan, Palestine, Sudan, Suriname, Syria, Togo, Tunisia, Turki, Emiriah Arab Bersatu, Uzbekistan dan Yemen, manakala peserta yang lain adalah dari Malaysia, termasuk Bank EXIM, Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan MATRADE.

Para peserta berpendapat bahawa program ini amat berguna dan berinformasi. Mereka juga berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam program-program penggalakan perdagangan Malaysia. Tambahan pula, program ini memberi peluang untuk menjalin rangkaian perniagaan di kalangan peserta dan komuniti perniagaan Malaysia.



Para peserta MTCP memberi perhatian rapi

MERANCANG HALA TUJU

Lembaga Pengarah MATRADE dianggotai 13 ahli dari sektor swasta dan awam yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam perdagangan antarabangsa. Mereka merangka strategi dan merancang hala tuju MATRADE sebagai satu agensi penggalakan perdagangan nasional yang unggul.

Pada masa yang mencabar dan sukar ini, Lembaga Pengarah memainkan peranan penting dalam mengenalpasti cadangan dan pendekatan baru dalam meningkatkan pertumbuhan perdagangan dan kepelbagaian pasaran eksport.

Pada tahun 2008, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat pada tarikh-tarikh berikut:

- **Mesyuarat 1/2008**
9 Mei 2008
- **Mesyuarat 2/2008**
30 Mei ke 1 Jun 2008
- **Mesyuarat 3/2008**
16 September 2008
- **Mesyuarat 4/2008**
12 Disember 2008

Di dalam mesyuarat-mesyuarat ini, perbincangan tertumpu kepada polisi dan strategi yang menjurus kepada daya saing eksport dan keberkesanan program penggalakan perdagangan. Antara isu-isu yang dibincangkan semasa mesyuarat-mesyuarat berkenaan adalah termasuk:


- Kajian semula program bantuan
- Perbandingan persekitaran perdagangan dengan negara lain
- Memposisikan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif
- Strategi dan program penggalakan perdagangan untuk tahun 2008
- Prestasi perdagangan Malaysia
- Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera dan Wanita
- Inisiatif penjenamaan nasional
- Langkah-langkah bagi menghadapi kelembapan ekonomi global

Kepimpinan Lembaga Pengarah yang berwibawa bersama kakitangannya yang berdedikasi telah melaksanakan secara efektif kesemua program penggalakan perdagangan dan pembangunan pengeksport yang dirancang pada tahun tersebut.

TINJAUAN PERDAGANGAN

Mengekalkan Pertumbuhan 28
Rakan Perdagangan Utama 29
Mengembangkan Pasaran 31
Mara Ke Hadapan 33

MENGEKALKAN PERTUMBUHAN



Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2008 meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada RM1.185 trilion, merentasi tahap RM1 trilion bagi tahun ketiga berturut-turut. Eksport mencatat pertumbuhan sebanyak 9.6 peratus, bernilai RM663.49 bilion. Import meningkat 3.3 peratus kepada RM521.61 bilion.

Lebih dagangan yang dicatat bernilai RM141.88 bilion, peningkatan sebanyak 41.4 peratus daripada tahun 2007. Ini merupakan lebih dagangan yang paling tinggi dicapai dalam tempoh 11 tahun semenjak Malaysia mula merekodkan lebih dagangan pada tahun 1997. Kesenambungan prestasi perdagangan yang positif adalah pengiktirafan kekukuhan ekonomi negara dalam menghadapi kelembapan kewangan global pada tahun 2008.

Eksport utama dalam semua sektor penting iaitu perkilangan, pertanian dan galian serta minyak galian telah menyumbang kepada pertumbuhan eksport negara. Eksport sektor perkilangan meningkat 1.8 peratus kepada RM464.47 bilion dengan mewakili 70 peratus jumlah keseluruhan eksport. Eksport pertanian berkembang sebanyak 32.2 peratus kepada RM71.71 bilion, menyumbang 10.8

peratus kepada jumlah eksport. Sektor galian mencatatkan peningkatan 42.4 peratus kepada RM120.7 bilion dengan sumbangan 18.2 peratus dari jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2008.

Aktiviti penggalakan yang dilaksanakan oleh MATRADE pada tahun 2008 menyumbang kepada perkembangan positif eksport negara ke pasaran tradisional dan yang bukan tradisional. Antara aktiviti-aktiviti ini termasuk penganjuran penyertaan pengeksport Malaysia dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Kaunter Promosi, Misi Pemasaran Khusus serta penganjuran Misi Belian ke Malaysia. Program meningkatkan kesedaran serta minat di kalangan syarikat Malaysia dengan memberi tumpuan kepada potensi dan akses pasaran antarabangsa yang dianjurkan oleh MATRADE ternyata berkesan dalam meningkatkan kapasiti pengeksport negara.

Rakan perdagangan utama Malaysia pada tahun 2008 adalah **Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Republik Rakyat China dan Thailand.**

SINGAPURA

Singapura mengatasi Amerika Syarikat untuk menjadi rakan perdagangan utama Malaysia pada tahun 2008, dengan menyumbang 13.1 peratus daripada jumlah perdagangan keseluruhan Malaysia bernilai RM155.11 bilion. Ini merupakan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus. Di kalangan negara ASEAN, Singapura adalah destinasi eksport utama Malaysia dengan sumbangan eksport berjumlah RM97.78 bilion atau 10.5 peratus pada tahun 2008. Negara-negara anggota ASEAN yang lain iaitu Thailand, Indonesia, Filipina dan Viet Nam kekal di kedudukan 20 pasaran eksport utama Malaysia. Eksport utama ke Singapura adalah produk elektrik dan elektronik, produk petroleum bertapis, petroleum mentah, pengilangan logam serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

AMERIKA SYARIKAT

Perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat pada tahun 2008 menunjukkan penurunan sebanyak 6.7 peratus kepada RM139.18 bilion berbanding RM149.21 bilion pada tahun 2007. Amerika Syarikat adalah destinasi eksport Malaysia yang kedua terbesar dengan sumbangan sebanyak 12.5 peratus daripada keseluruhan perdagangan negara.

Malaysia kekal sebagai sumber import utama Amerika Syarikat di kalangan negara ASEAN. Pada tahun 2008, eksport negara ke Amerika Syarikat menurun sebanyak 12.5 peratus kepada RM82.73 bilion berbanding dengan RM94.52 bilion pada tahun 2007. Penurunan eksport ini adalah akibat daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat berikutan krisis kewangan yang menyebabkan kehilangan pekerjaan, pasaran kredit yang ketat serta kemelesetan sektor hartanah yang seterusnya memberi kesan negatif ke atas perbelanjaan para pengguna.

Eksport utama ke Amerika Syarikat adalah produk elektrik dan elektronik, minyak sawit, kelengkapan optik dan saintifik serta produk-produk keluaran getah dan kayu.

JEPUN

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jepun pada tahun 2008 meningkat sebanyak 13.4 peratus kepada RM136.9 bilion berbanding RM120.8 bilion pada tahun 2007. Dalam tempoh 5 tahun yang lepas, perdagangan Malaysia dengan Jepun terus mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan sebanyak 7.4 peratus setahun.

Eksport ke Jepun pada tahun 2008 berjumlah RM71.8 bilion, peningkatan sebanyak 30 peratus, dan mewakili 10.8 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia. Pada tahun 2008, eksport utama adalah gas asli cecair, produk elektrik dan elektronik, produk kayu, produk petroleum serta kimia dan produk kimia.

Peningkatan ketara ini adalah juga didorong oleh perjanjian dua hala melalui *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* (MJEPA). Eksport produk utama di bawah perjanjian ini adalah minyak kelapa sawit gred industri, *stretch film*, *polyethylene film*, *polyethylene bags* dan minyak isirong sawit.

REPUBLIK RAKYAT CHINA

Jumlah perdagangan Republik Rakyat China dengan Malaysia pada tahun 2008 meningkat sebanyak 10.3 peratus kepada RM130.1 bilion daripada RM117.9 bilion. Ini merupakan 11 peratus daripada jumlah perdagangan keseluruhan Malaysia. Semenjak 10 tahun yang lepas, eksport Malaysia ke Republik Rakyat China terus mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 23.6 peratus setahun.

Eksport Malaysia ke Republik Rakyat China berjumlah RM63.21 bilion iaitu peningkatan sebanyak 19.2 peratus daripada RM53.04 bilion pada tahun 2007. Produk elektrik dan elektronik, minyak sawit, kimia dan produk kimia, getah mentah dan produk getah merupakan eksport utama negara ke Republik Rakyat China.

Perlaksanaan perjanjian *ASEAN-China Free Trade Agreement* (ACFTA) pada tahun 2005 yang meningkatkan akses pasaran untuk produk Malaysia telah menyumbang kepada peningkatan


perdagangan dua hala dengan Republik Rakyat China. Produk yang mendapat keistimewaan hasil daripada perjanjian ini termasuk minyak sawit dan produk berasaskan sawit, produk koko, minyak galian, kimia dan produk kimia serta produk getah.

THAILAND

Thailand kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang kelima terbesar pada tahun 2008, mencatat peningkatan sebanyak 7.1 peratus dengan jumlah dagangan sebanyak RM61.01 bilion. Pada tahun 2008, eksport Malaysia ke Thailand bernilai RM31.7 bilion, meningkat 5.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Thailand adalah destinasi eksport yang kedua terbesar dalam ASEAN, menyumbang sebanyak 18.5 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia ke rantau ini.

Eksport utama ke Thailand adalah produk elektrik dan elektronik, petroleum mentah, jentera, perkakasan dan alat ganti dan perkilangan logam. Eksport produk-produk ini berjumlah sebanyak RM21.13 bilion atau 66.7 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia ke Thailand pada tahun 2008.

MENGEMBANGKAN PASARAN



Menyedari kepentingan pasaran baru dan yang baru muncul, MATRADE telah mempergiatkan aktiviti penggalakannya untuk meningkatkan eksport Malaysia ke pasaran-pasaran ini. Aktiviti-aktiviti ini telah menyumbang kepada pertumbuhan eksport yang ketara di Asia Barat yang meningkat sebanyak 30.7 peratus, diikuti oleh Asia Selatan 25.4 peratus, Amerika Latin 22.9 peratus dan Oceania 22.4 peratus.

Rantau Asia Timur Laut merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia pada tahun 2008, dengan menyumbang 31 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Perkembangan eksport ke rantau ini meningkat semenjak tahun 2002, mencatat peningkatan sebanyak 16.9 peratus kepada RM205.6 bilion berbanding RM175.87 bilion pada tahun 2007. Eksport utama ke rantau ini adalah produk elektrik dan elektronik, gas asli cecair, minyak sawit, kimia dan produk kimia dan petroleum mentah. Produk-produk ini secara kolektif menyumbang sebanyak 74.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

Pada tahun 2008, perdagangan dengan ASEAN berjumlah RM297.64 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 6.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ia merupakan 25.1 peratus daripada jumlah keseluruhan dagangan Malaysia. ASEAN kekal sebagai rakan perdagangan rantau yang kedua terbesar bagi Malaysia. Di kalangan negara ASEAN, Singapura mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan Malaysia yang terbesar, menyumbang 52.1 peratus daripada jumlah perdagangan dengan rantau tersebut. Ini diikuti oleh Thailand (20.5 peratus), Indonesia (15.1 peratus), Filipina (5.6 peratus) dan Viet Nam (5.3 peratus). Produk elektrik dan elektronik adalah eksport utama Malaysia ke ASEAN, yang mewakili 32.1 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini. Eksport utama yang lain adalah produk petroleum bertapis, petroleum mentah, kimia dan produk kimia serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Rantau Asia Barat terus kekal sebagai pasaran eksport penting dengan mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 30.7 peratus kepada RM28.96 bilion pada tahun 2008. Eksport ke rantau ini telah menyumbang sebanyak 4.4 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia pada tahun 2008. Emiriah Arab Bersatu merupakan pasaran terbesar eksport Malaysia ke rantau ini dengan sumbangan sebanyak 43.3 peratus. Antara produk utama yang dieksport ke Asia Barat adalah produk elektrik dan elektronik, minyak sawit, barang kemas, makanan diproses serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Eksport ke rantau Asia Selatan meningkat 25.4 peratus ke RM34.64 bilion berbanding dengan RM27.63 bilion pada tahun sebelumnya. India adalah pasaran eksport utama di rantau ini dengan jumlah eksport sebanyak RM24.73 bilion atau 71.4 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Ini diikuti oleh Pakistan dengan 16.6 peratus dari jumlah eksport bernilai RM5.7 bilion. Eksport ke Asia Selatan terdiri daripada petroleum mentah, minyak sawit, produk elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia dan produk petroleum bertapis.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah meramalkan ekonomi global akan menguncup sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2009. Berdepan dengan keadaan ekonomi yang mencabar ini, adalah sukar bagi Malaysia mengekalkan tahap pencapaian perdagangan pada tahun 2008.

Berdasarkan ramalan IMF, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Asia dijangka akan meningkat sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2009, kurang daripada peningkatan sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2008. Bank Pembangunan Asia (ADB) meramalkan pertumbuhan yang rendah bagi ekonomi Republik Rakyat China pada tahun 2009 sebanyak 7 peratus daripada 9 peratus yang dicapai pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan KDNK India yang dijangka akan turun kepada 5 peratus daripada 7.1 peratus dan Asia Tenggara kepada 0.7 peratus daripada 4.3 peratus. Sementara itu, KDNK Taiwan, Republik Korea dan Hong Kong SAR masing-masing dijangka merosot sebanyak 4 peratus, 3 peratus dan 2 peratus.

Memandangkan ramalan ekonomi yang menurun di kalangan rakan perdagangan Malaysia, Kerajaan akan terus mengkaji polisi dan merangka strategi melalui rundingan bersama dengan pemimpin industri tempatan memandangkan eksport ke negara-negara ini amat penting untuk Malaysia. Pada tahun 2009, produk elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia serta jentera, perkakasan dan alat ganti akan terus menjadi eksport utama Malaysia.

Asia Barat, Afrika, CIS dan Asia Selatan akan kekal sebagai pasaran-pasaran rantau utama bagi Malaysia pada tahun 2009 dengan jangkauan peningkatan permintaan untuk produk elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia, barang kemas dan makanan diproses.

Sektor perkilangan akan terus kekal sebagai eksport utama dengan produk elektrik dan elektronik menjadi penyumbang terbesar pada tahun 2009. Produk-produk utama yang lain adalah petroleum mentah dan bertapis, gas asli cecair, minyak sawit, kimia dan produk kimia serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Dalam keadaan mencabar ini, pengeksporth Malaysia mesti mengambil langkah baru dan mengekalkan kehadiran produk mereka di pasaran agar masih relevan. Adalah amat penting untuk syarikat Malaysia yang telah menceburi pasaran antarabangsa terus mengekalkan kedudukan mereka dengan mempergiatkan aktiviti promosi eksport. Tambahan pula, syarikat-syarikat perlu mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan daya saing mereka melalui inisiatif-inisiatif merasionalkan kos, pemasaran inovatif dan peningkatan produktiviti.

Looking for exporters of world-class products and services?



Malaysia is one of the world's top 20 trading nations. So if you are looking for quality products and services, come to MATRADE. We can link you to Malaysian companies through a range of strategic trade promotion initiatives including on-site business matching sessions. Our network of more than 30 offices worldwide also gives you information related to Malaysian trade, industry insights and business contacts. So widen your horizons by paying us a visit. Go to www.matrade.gov.my and find out more.

Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)
Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 603-6207 7077 F: 603-6203 7037 E: info@matrade.gov.my
W: www.matrade.gov.my Toll-free: 1800-88-7280





The first step to international business success is to find a like-minded partner.

When the world becomes a smaller place, business opportunities become just the opposite. But where do you start? Whether you're a Malaysian company seeking to tap into overseas markets, or an international business looking for quality Malaysian products and services, talk to MATRADE. We're here to help you make the connection that matters - one that leads to successful international business partnerships. Our network of more than 30 offices worldwide can provide you with information related to Malaysian trade, industry insights as well as business contacts. To find out more, visit us at www.matrade.gov.my or one of our offices today.

MATRADE annually organises INTRADE Malaysia, the leading international general trade fair in ASEAN. Please visit INTRADE Malaysia 2008 at:

Venue: MATRADE Exhibition & Convention Centre (MECC), Menara MATRADE, Kuala Lumpur, Malaysia.

Date: 13th - 16th November 2008

Click www.intrademalaysia.com for more information or to participate.

Malaysia External Trade Development Corporation
Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 603-6207 7077 F: 603-6203 7037 Toll-free: 1800-88-7290
E: info@matrade.gov.my W: www.matrade.gov.my




Thousands of companies around the world come to Malaysia for all kinds of products and services.

Malaysia, which is among the world's top trading nations, is blessed with an abundance of natural resources, and a progressive business culture. It currently trades with over 200 countries including key global economies such as the USA, EU and Japan.

The country is also the biggest palm oil producer, leading supplier of rubber products and rapidly emerging as a quality producer of a wide range of products and services such as furniture, processed food as well as machinery appliances and parts.

Foreign businessmen can also leverage on Malaysia's multi-racial heritage and strategic location to build trade links with surrounding economies such as China, India and ASEAN.

Questions? Just visit your local MATRADE office, or www.matrade.gov.my for more information.



Are you sourcing for exporters of world-class products and services? If so, set your sights on Malaysia, one of the world's top 20 trading nations, and leverage on the assistance provided by MATRADE. Our role is to forge synergistic linkages between global buyers and importers with Malaysian companies through a range of strategic trade promotion initiatives, including on-site business matching sessions. Our network of more than 30 offices worldwide are also information hubs, disseminating information related to Malaysian trade, market insights and business contacts. Please visit www.matrade.gov.my to find out more.



Malaysia External Trade Development Corporation
(Malaysia's National Trade Promotion Agency)

Menara MATRADE, Jalan Kebun Bunga, Off Jalan Duta, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-6207 7037 Fax: 603-6203 7037 Toll-Free: 1800 88 7288 Email: info@matrade.gov.my

Iklan-iklan di atas dan di kanan telah diterbitkan di luar negara bagi masyarakat antarabangsa

SASARAN PASARAN

Kerjasama Dengan Pelbagai Kementerian, Agensi dan Persatuan Perdagangan 58

Memperluaskan Pasaran Global Malaysia 38
Produk dan Perkhidmatan 52

MEMPERLUASKAN PASARAN GLOBAL MALAYSIA

MATRADE mengukuhkan kehadiran Malaysia di pasaran dunia pada tahun 2008 melalui penganjuran penyertaan pengeksport Malaysia dalam 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 11 Misi Pemasaran, 46 Kaunter Promosi serta 55 seminar, taklimat dan bengkel.



Pelawat perdagangan di 5th China-ASEAN Expo 2008 di Nanning, Republik Rakyat China.



Masakan Malaysia telah menarik kunjungan orang ramai semasa pameran makanan dan minuman SIAL China 2008

MATRADE menganjurkan penyertaan 972 syarikat Malaysia dalam 60 Pameran Perdagangan Antarabangsa yang meliputi pasaran tradisional, yang membangun dan baru. Pameran-pameran ini telah menghasilkan jualan langsung sebanyak RM348.67 juta, jualan dalam rundingan bernilai RM41.04 bilion dan menerima 48,909 pertanyaan perdagangan.

Pada tahun 2008, 4 Misi Perdagangan dan Pelaburan telah dianjurkan bersama oleh MATRADE, MITI dan MIDA. Misi-misi ini diketuai

oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dan disertai oleh 516 ahli perniagaan daripada 193 syarikat. Sebanyak 813 pertemuan perniagaan telah diaturkan, yang menghasilkan jualan langsung berjumlah RM1.2 juta dan usahasama atau projek berpotensi bernilai RM4.23 bilion.

Bagi kali kelima berturut-turut, MIHAS menawarkan kepada dunia suatu platform yang terbaik untuk menampilkan produk dan perkhidmatan halal. Dengan 507 pempamer dan 41,862 pelawat, MIHAS 2008 merupakan acara yang lebih besar daripada tahun-tahun sebelumnya. Acara ini telah menghasilkan jualan langsung berjumlah RM185.3 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM2.02 bilion.

INTRADE Malaysia 2008 adalah Pameran Perdagangan Antarabangsa anjuran MATRADE yang telah menarik penyertaan 325 pempamer Malaysia dan 43 pempamer antarabangsa. Acara ini juga berjaya menghasilkan jualan langsung sebanyak RM198.9 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.41 bilion.

Sejumlah 11 Misi Pemasaran anjuran MATRADE termasuk 8 Misi Pemasaran Khusus telah disertai oleh 110 syarikat. Sebanyak 1,308 pertemuan perniagaan diaturkan dengan hasil jualan langsung bernilai RM3.61 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM1.27 bilion.

MATRADE telah membuka 46 Kaunter Promosi di Pameran Perdagangan Antarabangsa di luar negara di mana 815 syarikat Malaysia yang terlibat telah menghantar bahan promosi mereka untuk dipamer dan diedarkan di Kaunter Promosi. Sejumlah 3,549 pertanyaan telah diterima semasa acara-acara ini diadakan.

ASIA TIMUR LAUT

Asia Timur Laut terus kekal sebagai rantau perdagangan terbesar Malaysia pada tahun 2008. Jumlah eksport ke rantau ini menyumbang 31 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia. Eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 16.9 peratus kepada RM205.6 bilion berbanding RM175.87 bilion pada tahun sebelumnya. Jepun kekal sebagai destinasi eksport terbesar dengan jumlah eksport bernilai RM71.8 bilion, diikuti oleh Republik Rakyat China (RM63.21 bilion), Hong Kong SAR (RM28.32 bilion), Republik Korea (RM25.89 bilion) dan Taiwan (RM16.23 bilion).

Aktiviti penggalakan yang dianjurkan oleh MATRADE di Asia Timur Laut pada tahun 2008 termasuk 24 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 1 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 8 Misi Belian dan 7 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

JEPUN

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Foodex Japan 2008, Chiba
- 7th International Auto Aftermarket Show 2008, Tokyo
- 66th Tokyo International Gift Show (TIGS) 2008, Tokyo
- ASEAN – Japan Centre's (AJC) Program
- ASEAN Gifts and Fashion Accessories Exhibition
- ASEAN Health and Wellness Exhibition
- Interior Lifestyle Exhibition 2008, Tokyo
- ASEAN Food & Beverages Exhibition

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE 2008

Kaunter Promosi

- Messe Nagoya 2008, Nagoya
- Osaka Home Expo 2008, Osaka
- 2nd International Garden and Exterior Expo 2008, Tokyo

REPUBLIK RAKYAT CHINA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- SEMICON China 2008
- SIAL China 2008
- SOURCE IT China 2008
- 9th Western China International Economy Trade Fair (WCETF)
- 5th China-ASEAN Expo 2008

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE 2008

Kaunter Promosi

- 5th China International Small and Medium Enterprise Fair 2008 (CISMEF)
- 103rd China Import and Export Fair (The Canton Fair) 2008
- 5th Qingdao Apec Small & Medium Enterprises Technology Fair
- 4th China (Nanjing) International Software Products Expo 2008

HONG KONG SAR

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Hong Kong International Jewellery Show 2008
- Hong Kong Houseware Fair 2008
- Hong Kong Gift & Premium Fair 2008
- Hong Kong Fashion Week for Spring/Summer

REPUBLIK KOREA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Seoul Food & Hotel 2008
- Korean Student Fair 2008
- Korea International Medical & Hospital Equipment Show
- Imported Goods Fair 2008

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE 2008

TAIWAN

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Taipei International Food Show
- Taipei International Medical Equipment & Pharmaceuticals Show 2008 (MEDIPHAR)
- Taipei International Auto/Motorcycle Parts & Accessories Show

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE 2008



Pempamer Malaysia di 5th China-ASEAN Expo 2008

5th China-ASEAN Expo 2008

Pameran *5th China-ASEAN Expo* telah diadakan dengan jayanya dari 22 hingga 25 Oktober 2008 di *Nanning International Convention & Exhibition Centre (NICEC)*, Nanning, Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China. YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat Malaysia merasmikan Pavilion Malaysia pada 22 Oktober 2008. Sejumlah 100 syarikat termasuk agensi Kerajaan yang beroperasi di Guangzhou dan Beijing telah menyertai Pavilion Malaysia. Semasa pameran ini berlangsung, agensi seperti Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), MIDA, Kementerian Pelajaran Tinggi dan MATRADE telah menganjurkan seminar penggalakan produk dan perkhidmatan Malaysia. Syarikat Cyberview Sdn Bhd juga turut menyertai seminar ini untuk mempromosikan Cyberjaya kepada ahli perniagaan dan pelabur dari Republik Rakyat China. Ekspo ini telah menyediakan ruang baru bagi meningkatkan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

ASEAN kekal sebagai rantau perdagangan kedua terbesar Malaysia pada tahun 2008. Perdagangan Malaysia dengan ASEAN pada tahun 2008 berjumlah RM297.6 bilion atau 25.1 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia. Singapura adalah rakan perdagangan terbesar Malaysia dalam rantau ASEAN, diikuti oleh Thailand, Indonesia, Filipina dan Viet Nam. Perdagangan dua hala dengan ASEAN telah berkembang sebanyak 6.7 peratus pada tahun 2008.

Eksport ke ASEAN telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.1 peratus kepada RM171.2 bilion, dengan Singapura mewakili 57.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau tersebut. Ini diikuti oleh Thailand (18.5 peratus), Indonesia (12.1 peratus), Filipina (5.7 peratus) dan Viet Nam (4.7 peratus). Peningkatan eksport yang ketara telah dicatatkan dengan negara-negara CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam) yang berjumlah 6.7 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia dengan ASEAN. Malaysia menikmati lebih dagangan sebanyak RM44.8 bilion dengan negara-negara ASEAN.

Syarikat Malaysia menyertai 9 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 1 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 2 Misi Pemasaran Khusus, 2 Misi Belian dan 1 Kaunter Promosi, yang diselenggarakan oleh MATRADE di ASEAN. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

SINGAPURA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Food Hotel Asia 2008
- Asia Pacific Food Expo 2008

INDONESIA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- ICT 2008 Indonesia
- 6th Indo Buildtech 2008

Misi Pemasaran Khusus

- berkenaan penjagaan kesihatan ke Indonesia

Kaunter Promosi

- Hospital Expo

FILIPINA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 17th Asia Food Expo (AFEX2008)

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008

THAILAND

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 17th ASIA Food Expo (AFEX2008)

Misi Belian

- Architect 2008

VIET NAM

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- VIETNAM EXPO 2008
- V. I TRADE EXPO 2008
- Vietnam International Construction & Building Exhibition (VICB 2008)

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Viet Nam

Misi Pemasaran Khusus

- berkenaan penjagaan kesihatan ke Viet Nam



Rundingan Mejabulat dengan pemimpin industri di Viet Nam. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia YB Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima tanda penghargaan setelah menyaksikan beberapa Memorandum Persefahaman ditandatangani

MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN KE ASEAN

Memandangkan kepentingan Viet Nam sebagai destinasi eksport penting dalam ASEAN, MATRADE telah menganjurkan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Viet Nam, yang diketuai oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dari 27 hingga 30 Julai 2008. Sejumlah 47 syarikat Malaysia menyertai misi ini ke Hanoi dan Ho Chi Minh.

Semasa misi ini, YB Menteri telah menyaksikan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani oleh syarikat dari kedua-dua negara yang melibatkan England Optical Group dan Global Optic Joint Stock Company; Zaid Ibrahim & Co dan State Capital Investment Corporation (SCIC); Inai Kiara Sdn Bhd dan Vietnam Waterway Construction Corporation;

serta Penyerahan Dokumen-Dokumen Pelaburan oleh Pengerusi *Hanoi People's Committee* kepada Gamuda Land LLC.

Acara kemuncak misi ini merupakan Rundingan Mejabulat yang diadakan di Hanoi, yang tertumpu kepada projek pembangunan seperti menaik taraf dan operasi taman industri, kawasan kediaman, jambatan, pusat rawatan tenaga, jana kuasa, pelabuhan dan lapangan terbang, lebuh raya dan pengangkutan rel bandar (mono rel dan transit aliran ringan). Syarikat Malaysia telah mencatatkan jualan langsung sebanyak RM1.2 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM4.8 juta. Manakala projek usahasama berpotensi yang dikenal pasti antara syarikat Malaysia dan Viet Nam bernilai RM2 bilion.

ASIA BARAT

Produk Malaysia terus mendapat pengiktirafan di Asia Barat dengan eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 30.7 peratus kepada RM28.96 bilion pada tahun 2008. Sebanyak 43.3 peratus eksport Malaysia ke rantau ini adalah ke Emiriah Arab Bersatu, yang merupakan pasaran terbesar di Asia Barat. Pasaran utama lain termasuk Arab Saudi, Turki, Iran dan Jordan.

Bagi rantau ini, MATRADE telah menganjurkan penyertaan pengeksport Malaysia di dalam 11 Pameran Perdagangan Antarabangsa dan 2 Misi Perdagangan dan Pelaburan. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

KUWAIT

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Kuwait dan Oman

IRAN

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Tehran International Industry Fair

OMAN

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Kuwait dan Oman

ARAB SAUDI

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Saudi Build 2008, Riyadh
- Food & Hotel Arabia 2008, Jeddah

TURKI

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- MUSIAD FAIR 2008, Istanbul

EMIRIAH ARAB BERSATU

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Malaysia Services Exhibition, Sharjah
- Arab Health 2008, Dubai
- Middle East Electricity Exhibition, Dubai
- Gulfood 2008, Dubai
- Arab Oil & Gas Show 2008, Dubai
- BIG 5 Show 2008, Dubai



MATRADE menganjurkan pavilion Malaysia di Gulfood 2008

GULFOOD 2008

MATRADE telah menganjurkan penyertaan 48 peserta dari Malaysia ke Gulfood 2008 Dubai, Emiriah Arab Bersatu yang terdiri daripada 45 syarikat dan 3 agensi Kerajaan, khususnya, Lembaga Koko Malaysia (MCB), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Antara produk Malaysia yang dipamerkan adalah produk berasaskan minyak sawit, makanan sejuk beku, makanan dalam tin, konfektionari dan produk ternakan. Syarikat pengeluar dan penyedia perkhidmatan makanan Malaysia mencatatkan jualan langsung bernilai RM51.44 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM118.69 juta semasa pameran ini.

Kaunter pertanyaan MATRADE di *Gulfood 2008* telah menerima sebanyak 7,417 pertanyaan perdagangan. Antaranya adalah pertanyaan mengenai produk minyak sawit, makanan dan minuman, mesin memproses makanan, produk elektrik dan elektronik, produk getah, perabot dan kayu balak.

Gulfood 2008 telah diiktirafkan sebagai acara industri yang terbesar dan paling penting di rantau ini. Acara ini merupakan pintu masuk untuk syarikat yang ingin meneroka peluang perniagaan mereka ke pasaran Timur Tengah, Asia Selatan dan Afrika Utara. Seramai 1,955 pempamer mewakili 2,965 syarikat dari 72 negara mempamerkan produk seperti makanan, minuman, produk dan perkhidmatan yang berkaitan di pameran ini.

ASIA SELATAN

Jumlah dagangan antara Malaysia dengan Asia Selatan merekodkan pertumbuhan sebanyak 29.8 peratus pada tahun 2008 kepada RM45.7 bilion. India, Pakistan dan Bangladesh terus menjadi destinasi eksport utama mewakili 94.5 peratus daripada jumlah eksport ke rantau ini. Malaysia terus mencatatkan peningkatan dalam perdagangan dua hala dengan Pakistan selepas pelaksanaan perjanjian *Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MPCEPA) pada Januari 2008.

MATRADE menyelaraskan penyertaan pengeksport Malaysia dalam 3 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 1 Misi Pemasaran Am dan 2 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

INDIA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 9th Auto Expo 2008, New Delhi
- Franchise and Retail, New Delhi

Kaunter Promosi

- AAHAR International Food Fair, Chennai

PAKISTAN

Kaunter Promosi

- 5th International Food & Technology Exhibition, Karachi

BANGLADESH

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Single Country Trade Fair at Showcase Malaysia 2008, Dhaka

Misi Pemasaran Am

- ke Chittagong dan Dhaka



Acara perasmian Showcase Malaysia 2008 di Sheraton Hotel Dhaka

MISI PEMASARAN AM KE CHITTAGONG DAN DHAKA, BANGLADESH

Satu Misi Pemasaran Am ke Chittagong dan Dhaka telah dianjurkan oleh MATRADE dari 17 hingga 22 Mac 2008 sempena *Showcase Malaysia 2008*. Misi ini disasarkan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia ke Bangladesh serta meneroka peluang perniagaan baru di samping mengukuhkan rangkaian perniagaan yang sedia ada. Sejumlah 10 syarikat Malaysia telah menyertai misi ini.

Produk yang dipromosikan di pasaran ini ialah *carbon steel butt welded fittings* bagi industri minyak dan gas, konfektionari, *fastening tapes*, *curtain tapes* dan kelambu, lampu LED amaran untuk penerbangan, sarung tangan getah pemeriksaan dan perubatan, barangan penebat sel tertutup nitril dan panel solar.

Sebanyak 54 pertemuan perniagaan telah dianjurkan semasa misi ini. Misi Pemasaran ini telah menjanakan jualan dalam rundingan berjumlah RM2.82 juta.

AMERIKA UTARA

Eksport Malaysia ke rantau Amerika Utara pada tahun 2008 bernilai RM85.95 bilion. Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport utama dengan jumlah eksport sebanyak 96.2 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan ke rantau ini. Bagi memperkukuhkan posisi Malaysia di rantau ini, MATRADE telah menganjurkan 4 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 1 Misi Perdagangan dan Pelaburan, 2 Misi Pemasaran Khusus dan 11 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

AMERIKA SYARIKAT

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- National Hardware Show 2008, Las Vegas
- Summer Fancy Food Show 2008, New York
- Semicon West 2008, San Francisco
- IFE Americas Food & Beverages Show 2008, Miami

Misi Perdagangan dan Pelaburan

- ke Detroit dan New York

Misi Pemasaran Khusus

- berkenaan perabot ke Mexico City dan Miami
- berkenaan makanan diproses ke Los Angeles dan Vancouver

Kaunter Promosi

- International Consumer Electronic Show (CES), Las Vegas
- The International Seafood Show, Boston
- International Home & Houseware Show, Chicago
- SAE International, Detroit
- International Supply Management Conference and Educational Exhibition, St. Louis
- All Asia Food Expo 2008, Los Angeles

KANADA

Misi Pemasaran Khusus

- Berkenaan makanan diproses ke Los Angeles dan Vancouver

Kaunter Promosi

- SIAL Montreal, Montreal
- Global Petroleum Show, Calgary
- Canadian Manufacturing Week, Mississauga
- IDEX/NeoCon Canada, Toronto
- Construct Canada, Toronto



Pertemuan perniagaan antara pembeli terpilih dengan syarikat pengeksport Malaysia merupakan ciri penting bagi Misi Pemasaran Khusus anjuran MATRADE

MISI PEMASARAN KHUSUS UNTUK MAKANAN DIPROSES KE LOS ANGELES DAN VANCOUVER

Misi yang dianjurkan oleh MATRADE ini bertujuan untuk meneroka pasaran sedang membangun bagi makanan Asia di Amerika Utara. Misi ini juga memberikan penekanan terhadap kedudukan Malaysia sebagai pengeksport produk makanan berkualiti, khususnya selepas kesedaran mengenai keselamatan produk makanan keluaran di sesetengah negara.

Misi ini telah menarik sebanyak 10 syarikat yang mewakili pelbagai sektor makanan diproses termasuk makanan etnik, sos, minuman, makanan organik, pastri sejuk beku, perasa makanan, konfektionari serta makanan laut.

Sesi taklimat dan pertemuan perniagaan telah diadakan di premis pemborong dan pengimport utama bagi makanan diproses. Sejumlah 192 pertemuan perniagaan telah diatur dan mencatatkan jualan dalam rundingan berjumlah RM11.95 juta.

KESATUAN EROPAH (EU)

Kesatuan Eropah merupakan destinasi rantau perdagangan keempat terbesar Malaysia mewakili 11.3 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan Malaysia. Pasaran utama bagi rantau ini adalah Belanda, Jerman, United Kingdom, Perancis, Sepanyol, Itali, Belgium, Finland, Hungary dan Ireland.

Pada tahun 2008, MATRADE menyelaraskan penyertaan syarikat Malaysia dalam 1 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 2 Misi Pemasaran Am, 3 Misi Belian dan 1 Kaunter Promosi di rantau ini. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

REPUBLIK CZECH

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2008

Kaunter Promosi

- PLASTEX 2008

HUNGARY

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2008

Misi Pemasaran Am

- ke Budapest

ROMANIA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Construct Expo Antreprenor 2008

POLAND

Misi Pemasaran Am

- ke Warsaw

REPUBLIK SLOVAK

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2008



MATRADE menganjurkan penyertaan Malaysia bagi kali pertama di 15th Construct Expo Antreprenor

15TH CONSTRUCT EXPO ANTREPRENOR – INTERNATIONAL EXHIBITION OF CONSTRUCTION MATERIALS AND SYSTEMS BUCHAREST, ROMANIA

MATRADE telah menganjurkan penyertaan 10 syarikat Malaysia di *Construct Expo Antreprenor Exhibition* yang diadakan di *Romexpo Fairground* pada tahun 2008. Pameran ini merupakan di antara Pameran Perdagangan Antarabangsa utama di Romania bagi bahan binaan dan bangunan. Ini adalah penyertaan pertama MATRADE dalam pameran ini. Antara produk yang dipamerkan oleh syarikat Malaysia adalah produk tembikar hiasan, batu-bata jubin, *facing brick* untuk kegunaan hiasan dalaman dan luaran, kimpalan elektrod, kimpalan gas dan peralatan memotong serta aksesori, sistem solar pemanas air dan jubin getah untuk kegunaan hiasan dalaman dan luaran.

Pameran ini menarik perhatian 23,000 pelawat dan syarikat Malaysia telah menerima 399 pertanyaan perdagangan serta mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM8.8 juta semasa acara ini.

AMERIKA LATIN

Jumlah dagangan antara Malaysia dengan Amerika Latin mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.1 peratus pada tahun 2008 dengan lebih dagangan yang memihak kepada Malaysia bernilai RM2.42 bilion. Mexico kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang terbesar di rantau ini menyumbang sebanyak 47.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke rantau ini. Eksport utama ke Mexico adalah produk elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta kelengkapan optik dan saintifik.

Sejumlah 12 aktiviti penggalakan telah dianjurkan oleh MATRADE pada tahun 2008 di Amerika Latin yang terdiri daripada 1 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 1 Misi Pemasaran Khusus dan 10 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

ARGENTINA

Kaunter Promosi

- Argenplas di Buenos Aires

BOLIVIA

Kaunter Promosi

- ExpoCruz International Trade Fair, Santa Cruz

CHILE

Kaunter Promosi

- Expoedifica/ Expoconstruccion, Santiago

PERU

Kaunter Promosi

- International Fair of Arequipa, Arequipa

PANAMA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Expocomer, Panama City

MEXICO

Misi Pemasaran Khusus

- Berkenaan perabot, Mexico City

Kaunter Promosi

- Magna Exposicion Mueblera, Mexico City
- Expo Antad, Guadalajara
- Expo Electrica, Mexico City
- Automechanika, Mexico City
- Abastur, Mexico City
- Expo Cihac, Mexico City



Pertemuan perniagaan di DICO GROUP, Mexico City, sebuah pengimport utama perabot yang dilawati oleh peserta Misi Pemasaran Khusus



Sesi pertemuan perniagaan di Mexico City semasa Misi diadakan

MISI PEMASARAN KHUSUS UNTUK PERABOT KE MEXICO CITY

Misi Pemasaran Khusus untuk perabot ke Mexico City telah dianjurkan dari 12 hingga 16 April 2008. Mexico merupakan pasaran berpotensi bagi meluaskan eksport perabot Malaysia. Delegasi Misi ini terdiri daripada 10 orang wakil dari 8 syarikat Malaysia.

Antara produk perabot yang dipromosikan termasuk perabot taman, perabot untuk kanak-kanak, perabot sedia dipasang (RTA) serta perabot bilik tidur dan ruang makan. Sejumlah 129 pertemuan perniagaan telah diaturkan oleh MATRADE yang menghasilkan jualan dalam rundingan sebanyak RM28.8 juta.

EROPAH TIMUR

Eksport ke Eropah Timur mencatat peningkatan sebanyak 20.5 peratus pada tahun 2008 di mana Persekutuan Rusia merupakan pasaran terbesar untuk eksport Malaysia. Seterusnya diikuti oleh Ukraine, Hungary, Poland dan Republik Czech. Secara kolektif, pasaran-pasaran ini menyerap 84.9 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

MATRADE telah menganjurkan 18 aktiviti penggalakan perdagangan bagi rantau ini yang terdiri daripada 2 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 12 Misi Belian dan 4 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

PERSEKUTUAN RUSIA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Prodexpo 2008
- MEBEL 2008

Kaunter Promosi

- Autotec 2008
- ExpoElectronica 2008

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008

SERBIA

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008

KOSOVO

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008

MACEDONIA

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008

Kaunter Promosi

- Build & Construct 2008

ALBANIA

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2008

BELARUS

Misi Belian

- sempena INTRADE Malaysia 2008

BOSNIA DAN HERZEGOVINA

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008

UKRAINE

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008

Kaunter Promosi

- All About Interiors 2008



Satu keratan rentas pavilion Malaysia di pameran MEBEL 2008

MEBEL 2008

MATRADE bersama dengan Majlis Promosi Perabot Malaysia (MFPC), telah mengkordinasikan penyertaan 5 syarikat Malaysia dalam pameran Perabot, Kelengkapan dan Upholsteri Antarabangsa yang dikenali sebagai MEBEL 2008 yang diadakan di *Expocentre Krasnaya Presnya Fairground, Moscow* dari 24 hingga 28 November 2008.

MEBEL yang merupakan acara perdagangan terbesar industri perabot di Persekutuan Rusia dan Eropah Timur menggunakan keseluruhan tapak pameran seluas 100,000 meter persegi di *Expocentre Fairgrounds*. Acara 5 hari ini menarik seramai 60,000 pelawat, di mana 33,000 darinya adalah pakar industri daripada Persekutuan Rusia dan Negara Bebas Komanwel (CIS). Pelbagai produk dipamerkan oleh syarikat Malaysia termasuk perabot pejabat, kelengkapan stor pejabat, set bilik tidur, set meja makan, perabot hotel dan perabot kayu serta logam. Syarikat Malaysia mencatat jualan langsung sebanyak RM600,000 dan menerima 108 pertanyaan perdagangan semasa acara ini.

OCEANIA

Perdagangan keseluruhan Malaysia dengan rantau Oceania meliputi sebanyak 3.6 peratus. Australia merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia dalam rantau ini dengan jumlah dagangan sebanyak 82.9 peratus bernilai RM36.2 bilion daripada jumlah keseluruhan perdagangan. Seterusnya diikuti oleh New Zealand (14.1 peratus) dan Papua New Guinea (2.1 peratus). Jumlah eksport ke Oceania pada tahun 2008 bernilai RM28.8 bilion, peningkatan sebanyak 22.4 peratus daripada tahun 2007.

Bagi rantau ini, MATRADE telah menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam 2 Pameran Perdagangan Antarabangsa dan 2 Misi Belian. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

AUSTRALIA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Designbuild Australia 2008
- Fine Food Australia 2008

Misi Belian

- sempena MIHAS 2008
- sempena INTRADE Malaysia 2008



Pavilion Malaysia di Fine Food Australia 2008 menerima kunjungan yang menggalakkan dari pelawat perdagangan

FINE FOOD AUSTRALIA

Fine Food Australia Show 2008 merupakan pameran tahunan terbesar untuk produk makanan dan minuman di Australia. Pameran ini menawarkan peluang kepada syarikat Malaysia mempromosikan pelbagai produk makanan dan minuman kepada pasaran Australia dan sekitarnya.

MATRADE telah menganjurkan penyertaan 11 syarikat Malaysia dalam pameran ini yang diadakan di *Melbourne Exhibition and Convention Centre* dari 22 ke 25 September 2008. Produk yang dipamerkan oleh syarikat Malaysia adalah produk halal makanan laut sejuk beku, produk pastri, konfektionari, makanan Asia, sos dan *dressings*, puding, perkhidmatan pembungkusan produk dan minuman. Jualan langsung yang dicatat bernilai RM4.1 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM28.6 juta telah dilaporkan oleh syarikat Malaysia.

AFRIKA

Perdagangan antara Malaysia dengan benua Afrika meningkat sebanyak 14.5 peratus pada tahun 2008, bernilai RM18.86 bilion. Afrika Selatan adalah rakan dagangan Malaysia yang terbesar di rantau ini, merangkumi 28.2 peratus daripada jumlah dagangan pada tahun 2008. Eksport ke Afrika Selatan menyumbang 19.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke rantau ini. Eksport utama Malaysia ke Afrika Selatan adalah produk elektrik dan elektronik, minyak sawit, kimia dan produk kimia, kayu gergaji dan kayu balak serta getah mentah.

Aktiviti penggalakan perdagangan yang telah dianjurkan oleh MATRADE pada tahun 2008 di Afrika adalah 3 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 2 Misi Pemasaran Am dan 2 Kaunter Promosi. Butir-butir mengenai aktiviti-aktiviti ini mengikut negara adalah seperti berikut:

MESIR

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- 41st Cairo International Trade Fair

Kaunter Promosi

- Cairo ICT

GHANA

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Ghana International Trade Fair

AFRIKA SELATAN

Pameran Perdagangan Antarabangsa

- Africa Interbuild 2008

Misi Pemasaran Am

- ke Afrika Selatan dan Zambia

Kaunter Promosi

- Decorex Cape Town 2008

ZAMBIA

Misi Pemasaran Am

- ke Afrika Selatan dan Zambia




Delegasi misi pemasaran ke Afrika

MISI PEMASARAN AM KE AFRIKA SELATAN DAN ZAMBIA


MATRADE telah menganjurkan Misi Pemasaran Am ke Afrika Selatan dan Zambia dari 3 hingga 8 Ogos 2008. Misi ini termasuk lawatan ke beberapa bandar seperti Durban, Lusaka dan Johannesburg dengan tujuan mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia serta mempertingkatkan perdagangan dua hala dan kerjasama ekonomi serantau.

Sejumlah 121 pertemuan perniagaan diatitkan untuk syarikat Malaysia semasa Misi ini dan telah menghasilkan jualan dalam rundingan sebanyak RM91.7 juta.


PENUNJUK KECEKAPAN



BILANGAN PENERBITAN



KECEKAPAN MASA



 2007
 2008

Misi Perdagangan dan Pelaburan
 Misi Pemasaran
 Pameran Perdagangan Antarabangsa
 Kajian Produk / Pasaran
 Pameran Perdagangan Antarabangsa
 Bilangan Seminar, Taklimat dan Bengkel yang diadakan
 Misi Beliian
 Pameran Perdagangan Dalam Negeri
 Pameran Perdagangan Antarabangsa di Malaysia
 Kaunter Promosi di Luar negara
 DIREKTORI PERDAGANGAN DAN BUSINESS HANDBOOK
 i. Penerbitan Baru
 ii. Cetakan Semula
 E-PUBLICATIONS
 i. m@trade.leads
 ii. MATRADE Online News
 Misi Perdagangan yang dilaksanakan mengikut jadual
 Pameran Perdagangan yang dilaksanakan mengikut jadual
 Kajian Produk / Pasaran yang dilaksanakan mengikut jadual
 Seminar dan Bengkel yang dilaksanakan mengikut jadual

Pada tahun 2008, MATRADE melaksanakan aktiviti-aktiviti penggalakan yang meliputi pelbagai produk dan perkhidmatan di pelbagai pasaran. Keutamaan diberikan kepada mempromosi makanan diproses khususnya segmen halal, bahan binaan, perabot, komponen dan alat ganti automotif dan produk teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi menggalakkan sektor perkhidmatan, tumpuan diberikan ke atas bidang pembinaan, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi dan francais.



Pelbagai makanan diproses Malaysia telah dipromosikan di SIAL China 2008



Malaysia mempamerkan produk-produk terbaiknya di China-ASEAN Expo 2008

MAKANAN DIPROSES

Eksport makanan diproses berjumlah RM12.13 bilion berbanding RM8.67 bilion pada tahun sebelumnya iaitu 1.8 peratus daripada jumlah eksport produk perkilangan Malaysia pada tahun 2008. Antara pasaran utama bagi makanan diproses adalah Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia, Kuwait, Iraq, Jepun, Thailand, Australia, Republik Rakyat China dan Emiriah Arab Bersatu.

Kategori makanan diproses yang dieksport adalah:

- Koko dan persediaan koko menyumbang 27 peratus dari keseluruhan eksport makanan diproses dengan nilai RM3.28 bilion, peningkatan sebanyak 32.5 peratus dari tahun 2007;
- Marjerin dan lemak, meningkat sebanyak 147.2 peratus dengan nilai RM2.42 bilion;
- Keluaran dan sediaan yang boleh dimakan, menunjukkan peningkatan sebanyak 41.7 peratus dengan nilai RM2.42 bilion serta menyumbang 19.9 peratus dari keseluruhan eksport makanan diproses; dan
- Bijirin tersedia dan sediaan tepung, meningkat sebanyak 10.6 peratus kepada RM1.29 bilion.

Antara aktiviti penggalakan yang dianjurkan oleh MATRADE untuk sektor makanan diproses adalah:

- *Gulfood*, Dubai, Emiriah Arab Bersatu
- *Foodex 2008*, Tokyo, Jepun
- *Food Hotel Asia 2008*, Singapura
- *SIAL 2008*, Shanghai, Republik Rakyat China
- *Seoul Food and Hotel*, Korea Selatan
- *Food and Hotel Arabia*, Jeddah, Arab Saudi
- *World of Private Labels*, Amsterdam, Belanda
- *Taipei International Food Show*, Taiwan
- *Summer Fancy Food Show*, New York, Amerika Syarikat
- *17th Asia Food Expo (AFEX 08)*, Manila, Filipina
- *Fine Food Australia 2008*, Australia
- *SIAL Paris*, Perancis
- *IFE America Food and Beverage*, Amerika Syarikat
- *Asia Pacific Food Expo 08*, Singapura

Antara produk yang dipromosikan dalam pameran tersebut termasuk konfektionari, sos, rempah-rempah, makanan sejuk beku Asia, perasa, *dressing*, minyak sayuran, minyak bijan, produk koko, kopi, minuman tonik, jus buah-

buahan, mee segera, biskut dan makanan dalam tin.

Pameran-pameran ini menyediakan peluang bagi MATRADE mempromosikan industri makanan halal Malaysia. Penyertaan dalam acara-acara ini menyumbang kepada memposisikan Malaysia sebagai hab halal dunia.

BAHAN PEMBINAAN BANGUNAN

Eksport bahan pembinaan bangunan meningkat sebanyak 4.8 peratus kepada RM19.18 bilion pada tahun 2008. Kategori produk yang menyumbang kepada perkembangan eksport tersebut adalah:

- *Venier*, papan lapis, papan partikel dan kayu, meningkat sebanyak 1.29 peratus kepada RM8.35 bilion;
- *Iron and steel bar, rods, angles, shapes and sections*, meningkat sebanyak 76.1 peratus kepada RM1.79 bilion; dan
- Batu kapur, simen dan bahan binaan, meningkat sebanyak 13.5 peratus kepada RM961.2 juta.

Pada tahun 2008, destinasi eksport utama bagi bahan pembinaan bangunan adalah ke Jepun berjumlah RM3.8 bilion atau 19.9 peratus. Destinasi eksport utama lain adalah Singapura, Australia, Thailand, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Dalam usaha meneroka pasaran eksport bagi bahan pembinaan bangunan, MATRADE pada tahun 2008 menyelaraskan penyertaan syarikat Malaysia dalam 11 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 2 Misi Pemasaran Khusus dan 9 Kaunter Promosi. Kebanyakan program ini diadakan di rantau Asia Barat dan ASEAN memandangkan industri pembinaan yang bertambah pesat di pasaran-pasaran ini. Antara pameran-pameran utama yang disertai pada tahun 2008 adalah *6th Indobuild Tech 2008*, Jakarta, Indonesia; *Saudi Build 2008*, Riyadh, Arab Saudi; *Big 5 Show*, Dubai, Emiriah Arab Bersatu; *Architect 2008*, Bangkok, Thailand; dan *National Hardware Show, Las Vegas*, Amerika Syarikat. Sementara itu, sebanyak 2 Misi Pemasaran Khusus dianjurkan ke Emiriah Arab Bersatu dan Libya. Secara keseluruhan,

program-program ini telah merekodkan jumlah jualan langsung bernilai RM7.91 juta dan jualan dalam rundingan berjumlah RM40.12 bilion.

PERABOT

Eksport perabot meningkat sebanyak 2 peratus kepada RM8.72 bilion pada tahun 2008 berbanding RM8.55 bilion pada tahun 2007. Pasaran eksport utama adalah Amerika Syarikat, Jepun, Australia, United Kingdom dan Singapura.

Kategori utama perabot dieksport adalah:

- Perabot kayu, bernilai RM6.9 bilion;
- Perabot logam, RM784.2 juta;
- Tempat duduk dan alat ganti, RM627.3 juta; dan
- Alat ganti perabot, RM309.1 juta.

Bagi memperluaskan lagi eksport perabot ke Persekutuan Rusia dan Eropah Timur, MATRADE telah menyelaraskan penyertaan syarikat Malaysia dalam *MEBEL 2008*, Moscow, Persekutuan Rusia. Pameran ini merupakan antara pameran perabot utama di Eropah Timur, yang menarik penyertaan sejumlah 1,200 syarikat dari 36 negara. Syarikat Malaysia melaporkan jualan bernilai RM0.6 juta dan menerima 176 pertanyaan perdagangan semasa pameran ini.

Di samping itu, melalui rangkaian pejabat antarabangsanya, MATRADE telah membantu dalam mempromosikan pameran *Malaysia International Furniture Fair* (MIFF) dan *Export Furniture Exhibition* (EFE) yang diadakan pada Mac 2008. Melalui promosi tersebut, pengimport antarabangsa yang dikenalpasti oleh MATRADE telah melawat pameran-pameran berkenaan.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Bagi mempromosi sektor ICT, MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam pameran berkaitan perkakasan dan perisian ICT di *CeBIT 2008* (Hannover, Jerman), *Semicon China 2008* (Shanghai, Republik Rakyat China), *ICT Expo 2008* (Jakarta, Indonesia) dan *Semicon West 2008* (San Francisco, Amerika Syarikat). Penyertaan dalam acara-acara ini telah dilaksanakan dengan kerjasama MDeC dan PIKOM.

Bagi meningkatkan penampilan jenama perkhidmatan Malaysia, MATRADE menganjurkan pameran *Malaysia Services Exhibition* (MSE) di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu yang mempamerkan keupayaan syarikat Malaysia dalam sektor perkhidmatan termasuk ICT. Sejumlah 14 syarikat ICT menyertai pameran ini dan menghasilkan jualan dalam rundingan bernilai RM204.41 juta. Antara perkhidmatan ICT yang dipromosikan adalah komunikasi mudah alih dan *wireless*, pembangunan perisian aplikasi perniagaan, pembangunan kandungan digital, penggunaan aplikasi perniagaan berasaskan internet dalam sektor kewangan, perkongsian perkhidmatan dan penyumber luaran (SSO), e-Dagang untuk perangkaan dan transaksi dalam talian, bio-informatik, infrastruktur dan infostruktur serta e-Kerajaan.

ALAT GANTI DAN KOMPONEN AUTOMOTIF

Pada tahun 2008, eksport alat ganti dan komponen automotif adalah bernilai RM2.04 bilion, peningkatan sebanyak 5.2 peratus berbanding RM1.94 bilion pada tahun 2007. Antara destinasi utama eksport bagi alat ganti dan komponen automotif adalah rantau ASEAN berjumlah RM966.8 juta dan mewakili 47.5 peratus daripada jumlah eksport produk dari kategori tersebut di mana eksport ke Thailand bernilai RM314.5 juta, Indonesia (RM305.3 juta) dan Singapura (RM265 juta).

Eksport utama dalam sektor ini adalah:

- alat ganti dari pelbagai pembekal, roda mahkota, pinan, *spoke and parts* bernilai RM743.1 juta;
- roda stereng, turus roda kemudi dan kotak stereng bernilai RM506.6 juta;
- bampar dan peralatan bernilai RM196.7 juta; dan
- gandar pemandu dengan perbezaan bernilai RM164 juta.

Aktiviti penggalakan yang dilaksanakan bagi sektor ini termasuk penyertaan syarikat Malaysia dalam pameran *9th Auto Expo*, New Delhi, India; *IAAE 2008*, Tokyo, Jepun; 2 Misi Pemasaran Khusus iaitu ke Wolfsburg dan Stuttgart, Jerman; dan ke Bangkok, Thailand.

PERKHIDMATAN

Lintasan F1 Bahrain yang dibina oleh syarikat Malaysia

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan eksport perkhidmatan, MATRADE melalui perundingan dengan pembekal perkhidmatan profesional telah merumuskan strategi dan program-program bagi industri ini. Majlis Perkhidmatan Eksport Profesional Kebangsaan (NAPSEC) juga telah memberi input kepada MATRADE dalam merangka program-program penggalakan untuk sektor perkhidmatan.

Pada tahun 2008, sejumlah 13 program penggalakan telah dianjurkan bersama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), *Master Builders Association Malaysia*, Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC), *Malaysian Professional Centre*, Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM), Industri Minyak dan Gas Malaysia, Institusi Kejuruteraan Malaysia dan Persatuan Francais Malaysia. Program penggalakan ini disasarkan ke pasaran-pasaran di Asia Barat, ASEAN, Asia Selatan dan Amerika Utara.

Antara inisiatif utama yang diambil oleh MATRADE bagi penggalakan sektor perkhidmatan ialah penganjuran pameran *Malaysia Services Exhibition* (MSE 2008) di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu dari 13 hingga 15 Januari 2008. Sebanyak 11 sektor perkhidmatan dipamerkan yang melibatkan 168 syarikat perkhidmatan Malaysia dan agensi-agensi yang berkaitan.

Objektif pameran ini adalah untuk mempamerkan keupayaan syarikat Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia khususnya di Asia Barat dan rantau Afrika Utara, Benua Kecil India dan Negara Bebas Komanwel (CIS). Acara ini juga bertujuan untuk membina jenama dan menonjolkan keupayaan pembekal perkhidmatan Malaysia serta menjalin penyatuan strategik dengan para pelanggan berpotensi di rantau-rantau ini.



Kemudahan terkini petanda baik untuk Malaysia menjadi pemain utama dalam sektor logistik

Putera Mahkota dan Timbalan Pemerintah Sharjah, HH Sheikh Sultan Bin Mohamed Bin Sultan Al Qassimi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Tan Sri Rafidah Aziz bersama-sama merasmikan pembukaan pameran ini pada 13 Januari 2008.

Antara sektor yang dipamerkan di MSE 2008 adalah pembinaan, pendidikan, latihan khusus, penjaan tenaga dan kuasa, kejuruteraan, teknologi dan inovasi, perkhidmatan kewangan, francais, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan hospital, ICT, logistik dan pengangkutan, perkhidmatan pengurusan, minyak dan gas serta perkhidmatan profesional.

MSE 2008 menerima seramai 3,656 pengunjung terdiri daripada pegawai kanan kerajaan Emiriah Arab Bersatu dan ahli perniagaan daripada Arab Saudi, Kuwait, Oman serta negara-negara dari Afrika dan Asia Selatan. MSE 2008 telah mengenalpasti sebanyak 31 projek berpotensi bernilai RM39.02 bilion. Projek-projek ini yang terletak di Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Maghribi, Syria, Libya, Iraq, India, Romania

dan Azerbaijan adalah termasuk perkhidmatan pembinaan, minyak dan gas, perkhidmatan professional, kejuruteraan, teknologi dan inovasi serta ICT.

Bersempena dengan MSE, *Malaysia Services Forum* telah dianjurkan untuk mengetengahkan keupayaan dan pengalaman pembekal perkhidmatan Malaysia serta projek antarabangsa yang telah dilaksanakan.

MSE 2008 menerima liputan luas dari media cetak dan elektronik di Emiriah Arab Bersatu dan di rantau sekitarnya. Pempamer Malaysia di MSE 2008 telah menimba pengalaman berharga dari segi pemahaman keunikan pasaran dan keperluan dalam menjalankan perniagaan di Asia Barat.



Malaysia telah meningkatkan keupayaannya dalam industri minyak dan gas

PEMBINAAN

Dalam menggalakkan sektor pembinaan, MATRADE menganjurkan penyertaan syarikat Malaysia dalam *MSE 2008* (Sharjah, Emiriah Arab Bersatu); *Construct Expo Antreprenor* (Bucharest, Romania); *Kazbuild 2008*, (Almaty, Kazakhstan); *Indobuild Tech* (Jakarta, Indonesia); *Designbuild Australasia* (Melbourne, Australia); *Vietnam International Construction and Building Exhibition* (Ho Chi Minh City, Viet Nam); *Africa Interbuild 2008* (Johannesburg, Afrika Selatan); *Saudi Build 2008* (Riyadh, Arab Saudi) dan *BIG 5 Show* (Dubai, Emiriah Arab Bersatu). Sejumlah RM48.01 juta potensi perniagaan telah dikenal pasti semasa aktiviti-aktiviti penggalakan tersebut.

Semasa pameran MSE 2008, MATRADE dengan kerjasama CIDB dan PSDC telah melancarkan penerbitan bertajuk *'Excellence in Construction and Design'* yang memperlihatkan kemampuan dan kemahiran terbaik Malaysia dalam sektor pembinaan serta industri yang berkaitan.

Dalam membantu pembekal perkhidmatan Malaysia meneroka pasaran antarabangsa, MATRADE melalui Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) yang menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran bayaran balik. Geran ini meliputi kos aktiviti penggalakan, proses pembidaan tender untuk kajian serta projek di samping geran bagi melaksanakan kajian kemungkinan. Antara pembekal perkhidmatan Malaysia yang telah berjaya melaksanakan projek-projek antarabangsa adalah SCOMI Engineering Bhd bagi projek Monorel, Mumbai, India; Ranhill Bersekutu Sdn Bhd (Projek Pengurusan Perkhidmatan untuk *King Abdullah University Of Science and Technology*); Angkasa Consulting Services Sdn Bhd (*Vietnam Urban Upgrading Project – Ho Chi Minh City Sub-Project*) dan Sunway Construction Sdn Bhd bagi pembinaan *Zayed Sports City*, Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

FRANCAIS

Sehingga Disember 2008, terdapat sebanyak 363 sistem francais di Malaysia, yang mana 232 adalah merupakan francais tempatan manakala 131 adalah francais luar negara. Francais Malaysia yang mempunyai operasi antarabangsa termasuklah dalam bidang pendidikan, fesyen, kasut, beg tangan, makanan dan minuman, perhotelan, penjagaan mata, kecantikan dan penjagaan kesihatan serta perkhidmatan pelancongan.

Antara francais Malaysia yang telah beroperasi di luar negara adalah:

- Beaubelle (Singapura, Jepun, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat);
- D'Tandoor (Australia dan New Zealand);
- Marrybrown Fried Chicken (Republik Rakyat China, India, Sri Lanka, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain, Azerbaijan dan Arab Saudi);
- Nelson's (Arab Saudi, Kuwait, Indonesia, Brunei, Sweden, United Kingdom dan Republik Rakyat China);
- Secret Recipe (Singapura, Indonesia, Thailand, Republik Rakyat China dan Filipina); dan
- Smart Reader (Thailand, Filipina dan Syria).

Aktiviti penggalakan bagi industri francais yang dianjurkan MATRADE pada tahun 2008 adalah *MSE 2008*, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu; dan *India Franchise and Retail Expo* New Delhi, India. Syarikat Malaysia yang terlibat di *MSE 2008* termasuk Marrybrown, Nineteen O One Sdn Bhd, Smart Reader Worldwide Sdn Bhd dan Forest Secret Sdn Bhd.

PENJAGAAN KESIHATAN

MATRADE menganjurkan penyertaan pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan Malaysia dalam 3 Pameran Perdagangan Antarabangsa, termasuk *MSE 2008*, (Sharjah, Emiriah Arab Bersatu); *Arab Health*, (Dubai, Emiriah Arab Bersatu); *Hospital Expo 2008*, (Jakarta, Indonesia); dan 2 Misi Pemasaran Khusus bagi Penjagaan Kesihatan serta Perkhidmatan yang berkaitan ke Jakarta, Indonesia, Ho Chi Minh, Viet Nam dan Phnom Penh, Kemboja. Aktiviti penggalakan ini berjaya menghasilkan jualan langsung berjumlah RM8.13 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM39.06 juta.

Mengikut perangkaan APHM, seramai 374,063 orang pesakit asing telah mendapat rawatan di hospital swasta di Malaysia dan telah menjanakan pendapatan berjumlah RM299.1 juta pada tahun 2008.

Antara pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan yang telah menyertai program penggalakan MATRADE adalah KPJ Healthcare Bhd, Pusat Perubatan Mahkota, Hospital Pantai, Pusat Perubatan Prince Court, Pusat Perubatan Sime Darby, Institut Jantung Negara dan Pusat Perubatan Sunway.

KERJASAMA DENGAN PELBAGAI KEMENTERIAN, AGENSI DAN PERSATUAN PERDAGANGAN

Dalam mengadakan aktiviti penggalakan eksport, MATRADE telah bekerjasama dengan pelbagai Agensi Kerajaan dan Persatuan Perdagangan.

Antaranya adalah:

- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
- Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
- Majlis Promosi Perabot Malaysia (MFPC)
- Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC)
- Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)
- Majlis Perakayuan Malaysia (MTC)
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Suruhanjaya Sekuriti (SC)
- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)
- Perbadanan Pembangunan Perkhidmatan Profesional (PSDC)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

PERKHIDMATAN SOKONGAN DAGANGAN

Memperkasakan Pengeksport 62
Membimbing Pengeksport EKS 63
Sokongan Kewangan 65
Perkhidmatan Eksporn 66
Anugerah Kecemerlangan Eksporn 71



Quality
The Hallmark
of Malaysia
Products &
Services

Business Hours

Monday to Thursday

7:30 am - 5:30 pm

Lunch Break

1:00 pm - 3:00 pm

Friday

7:30 am - 5:30 pm

Lunch Break

11:45 - 2:15 pm

**Saturday, Sunday &
Public Holidays - Closed**



MALAYSIA EXTERNAL TRADE

Matrade's Global Network




MATRADE
DEVELOPMENT CORPORATION



MEMPERKASAKAN PENGEKSORT

Selaras dengan objektif membangunkan pasaran eksport, salah satu fungsi utama MATRADE ialah untuk memupuk dan membangunkan pengeksport baru sementara mempertingkatkan pengetahuan pengeksport sedia ada. Dalam mencapai matlamat ini, MATRADE menganjurkan pelbagai program membina kapasiti, kemahiran pemasaran eksport dan meningkatkan pengetahuan mengenai peluang pasaran antarabangsa. Topik-topik yang diliputi dalam program ini termasuk peluang di pasaran spesifik, peraturan-peraturan eksport, syarat-syarat import, piawaian dan program sokongan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk komuniti pengeksport tempatan.

Sebanyak 55 program latihan dianjurkan pada tahun 2008 yang terdiri daripada 37 seminar, 11 taklimat, 6 bengkel dan *KL International Trade Forum* (KLITF). Program-program ini telah memberi manfaat kepada 5,911 peserta dari 4,326 syarikat. Antara topik yang dibentangkan adalah:

- Pengurusan aliran tunai, penjenamaan dan hak harta intelek, pembiayaan perdagangan, pengurusan perhubungan pelanggan dan dokumentasi kredit;
- Piawaian dan peraturan seperti pensijilan halal, *European Union Rules and Regulations*, dan *United Nations Business and Vendor Registration*;
- Peluang pasaran/perniagaan termasuk di Bangladesh, Republik Rakyat China, Sri Lanka, Viet Nam, Kemboja, Maldives, negara-negara Afrika Barat, Kenya, Azerbaijan, Hong Kong SAR dan negara anggota OIC;
- Industri khusus seperti automotif, makanan dan perabot kayu Jepun, teknologi air dan ternakan; dan
- Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia.

Program-program ini dikendalikan oleh MATRADE dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Maybank, *United Nations Procurement Division*, *International Enterprise (IE) Singapore*, Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA), Dewan Perniagaan dan Industri Bangladesh-Malaysia (BMCCI) dan *Hong Kong Trade Development Council* (HKTDC).



Seminar mengenai program bantuan kewangan untuk pengeksport



Para peserta di sesi Taklimat dan Rundingan Perniagaan (B&C)

Dalam membantu pengeksport EKS menceburi pasaran antarabangsa, MATRADE menganjurkan program-program khusus bagi memenuhi keperluan EKS. Antara program yang diadakan termasuk seminar, taklimat, perbincangan dan khidmat nasihat yang meliputi pelbagai topik yang berkaitan perdagangan seperti kewangan, penjenamaan, pemasaran antarabangsa serta syarat dan peraturan perdagangan.



Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) memberi peluang kepada EKS untuk meningkatkan kemahiran perniagaan dan pengetahuan antarabangsa mereka

Dalam usaha mendedahkan EKS kepada pasaran antarabangsa, mereka digalakkan menyertai Misi Belian dan Misi Pemasaran Khusus yang dianjurkan oleh MATRADE. Misi Belian memberi peluang kepada EKS menemui pembeli antarabangsa di Malaysia bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Bantuan kewangan diberikan di bawah Geran Pembangunan Pasaran (MDG) kepada EKS yang menceburi pasaran antarabangsa. Sejumlah RM15.95 juta dalam bentuk geran telah disalurkan dan ia telah dimanfaatkan oleh 897 EKS pada tahun 2008.

Program khusus yang mensasarkan segmen sektor perniagaan EKS terus dilaksanakan melalui Program Pembangunan Pengeksport

Wanita (WEDP) dan Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP).

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSORT BUMIPUTERA (BEDP)

MATRADE melalui Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) memupuk dan membangun syarikat EKS milik Bumiputera. Dahulunya dikenali sebagai *MATRADE Trade Outreach Programme* (MTOP), BEDP adalah program sokongan selama 3 tahun, yang menumpukan usaha membangun dan mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran eksport syarikat Bumiputera. Ini dijalankan melalui latihan, taklimat, lawatan sambil belajar, sesi rundingan dan bimbingan perniagaan secara peribadi. Program ini juga memberi peluang kepada syarikat yang terpilih untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di luar negara melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti penggalakan perdagangan antarabangsa.

Pada tahun 2008, sejumlah 35 syarikat EKS Bumiputera dipilih di bawah program BEDP. Syarikat-syarikat ini telah menyertai 26 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 3 Misi Perdagangan dan Pelaburan serta 1 Misi Pemasaran Khusus. Antara Pameran Perdagangan Antarabangsa yang disertai oleh syarikat di bawah BEDP pada tahun 2008 adalah MSE (Sharjah, Emiriah Arab Bersatu), *CeBIT 2008* (Hannover, Jerman), *SIAL 2008* (Paris, Perancis) dan *Foodex 2008* (Tokyo, Jepun).

Melalui penyertaan mereka dalam aktiviti penggalakan ini, syarikat di bawah BEDP melaporkan jualan langsung dan jualan dalam rundingan bernilai RM3.9 juta.

KEJAYAAN DELIGATEAUX (M) SDN BHD

KEK UNTUK PASARAN DUNIA

Deligateaux (M) Sdn. Bhd., yang menyertai BEDP pada tahun 2006, menghasilkan kuih-muih dan pastri beku tempahan khas yang berkualiti bagi pasaran tempatan dan luar negara. Syarikat ini mula menceburi pasaran antarabangsa pada tahun 2006 dan semenjak itu giat mengeksport produk mereka ke negara-negara termasuk French Polynesia, Macau, Amerika Syarikat, United Kingdom, Brunei dan Singapura. Pada tahun 2008, syarikat ini memulakan aktiviti promosi secara agresif dengan menyertai 7 Pameran Perdagangan Antarabangsa iaitu *Prodexpo* (Moscow, Persekutuan Rusia), *Gulfood 2008* (Dubai, Emiriah Arab Bersatu), *MIHAS* (Kuala Lumpur, Malaysia), *Alitech F&B Expo* (Casablanca, Maghribi), *SIAL* (Paris, Perancis), *INTRADE* (Kuala Lumpur, Malaysia) dan *Vietnam Expo* (Hanoi, Viet Nam).

Pada tahun 2008, Deligateaux melaporkan jumlah jualan bernilai RM850,000 di mana RM600,000 merupakan jualan eksport, iaitu peningkatan sebanyak RM200,000 dari tahun sebelumnya. Pasaran yang disasarkan pada masa akan datang adalah termasuk Republik Rakyat China, Hong Kong SAR, negara-negara Timur Tengah, Persekutuan Rusia, Maghribi, Thailand, Viet Nam dan Indonesia.



MATRADE mengendalikan pertanyaan daripada peserta WEDP

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSORT WANITA (WEDP)

Dalam usaha membantu EKS milikan wanita, MATRADE pada tahun 2008 telah memperkenalkan Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP), yang dahulunya dikenali sebagai *Women Trade Outreach Programme* (WTOP). Program sokongan selama 3 tahun ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan wanita bagi membolehkan mereka menceburi pasaran antarabangsa. Konsep program ini adalah sama seperti BEDP di mana syarikat WEDP ditaja untuk menyertai aktiviti-aktiviti promosi.

Pada tahun 2008, syarikat WEDP menyertai 34 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 6 Misi Perdagangan dan Pelaburan, dan 4 Misi Pemasaran Am dan Khusus. Antara Pameran Perdagangan Antarabangsa yang disertai oleh syarikat WEDP adalah *IFE* (Poland), *MOHEX 2008* (Fiji), *SIAL 2008* (Perancis) dan *66th Tokyo Gift Show* (Jepun). Hasil daripada aktiviti penggalakan ini, syarikat WEDP mencatat jualan langsung sebanyak RM6.8 juta dan jualan dalam rundingan bernilai RM11.8 juta.


KEJAYAAN AVIALITE SDN BHD

MASA DEPAN CERAH UNTUK AVIALITE

Avialite Sdn Bhd, yang ditubuhkan pada November 2004, mengeluarkan lampu amaran penerbangan LED. Syarikat ini yang dimiliki sepenuhnya oleh seorang usahawan wanita, dipilih untuk menyertai program ini pada tahun 2006. Dalam tempoh program selama 3 tahun ini, Avialite telah menyertai 7 aktiviti penggalakan seperti Misi Perniagaan ke Dubai; Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Mozambique dan Afrika Selatan; dan Misi Pemasaran Khusus ke Nigeria, Hungary, Poland dan Yemen. Hasil dari penyertaan mereka, syarikat ini pada tahun 2008 mencatat eksport bernilai RM1.2 juta, yang merupakan 80 peratus daripada jumlah jualan sebanyak RM1.5 juta. Syarikat ini telah menembusi pasaran antarabangsa seperti Bangladesh, Brunei, Kemboja, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia, Filipina, Viet Nam dan Afrika Barat.

GERAN PEMBANGUNAN PASARAN (MDG)

Di bawah MDG, EKS mendapat bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan untuk menjalankan aktiviti penggalakan eksport di dalam dan luar negara. Antara aktiviti promosi yang layak untuk geran ini adalah penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Pemasaran Khusus dan pencetakan bahan promosi. Pada tahun 2008, MATRADE meluluskan geran berjumlah RM15.95 juta kepada 897 syarikat. Berikut adalah carta menunjukkan pecahan geran yang diluluskan mengikut aktiviti:



GERAN PROMOSI JENAMA (BPG)

BPG bertujuan membantu syarikat Malaysia untuk membangun dan mempromosi jenama tempatan di pasaran antarabangsa. Geran bayaran balik sejumlah RM2 juta disalurkan kepada syarikat untuk menjalankan aktiviti pembangunan dan promosi jenama di luar negara.


Pada tahun 2008, sejumlah 20 syarikat telah diluluskan untuk menerima geran BPG yang bernilai RM32.74 juta. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada 12 EKS dan 8 bukan EKS dari pelbagai sektor termasuk E&E, makanan dan minuman, perabot, kosmetik, francais, seramik, getah, ICT serta alat ganti automotif dan aksesori.

Bagi tempoh 2004 hingga 2008, sejumlah 69 syarikat telah menerima geran di bawah BPG yang bernilai RM118.02 juta.

DANA EKSPORT PERKHIDMATAN (SEF)

SEF adalah satu program sokongan yang diberikan kepada Pembekal Perkhidmatan Malaysia dalam bentuk geran bayaran balik. Skim ini meliputi perbelanjaan bagi penyertaan dalam pembidaan tender, menjalankan kajian kemungkinan projek antarabangsa, menyertai aktiviti penggalakan eksport serta mengadakan kempen pengiklanan dan promosi untuk perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Pada tahun 2008, sejumlah 603 pembekal perkhidmatan Malaysia telah diluluskan untuk menerima geran SEF. Berikut adalah carta menunjukkan pecahan geran yang diluluskan mengikut aktiviti:



Antara projek yang telah dilaksanakan oleh syarikat Malaysia di bawah geran SEF adalah Kajian dan Implementasi Kejuruteraan Sistem Monorail di Mumbai, *E-Suifenhe Digital City*, Daerah Heilongjiang, Republik Rakyat China dan *Pilot Study for Sewage Treatment of Al-Amana Lake* (Al-Nawras), Jeddah, Arab Saudi.

PERKHIDMATAN

**SESI TAKLIMAT DAN RUNDINGAN
PERNIAGAAN (B&C)**

MATRADE telah meneruskan penganjuran sesi B&C untuk komuniti pengeksport di luar Lembah Kelang. Antara objektif sesi ini adalah untuk memupuk kesedaran mengenai perkhidmatan, kemudahan dan program bantuan yang dikendalikan oleh MATRADE, memahami isu-isu yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dalam mengeksport produk mereka dan mendapat maklum balas bagaimana MATRADE dapat membantu pengeksport dalam perniagaan mereka.

Sesi B&C merangkumi aktiviti-aktiviti seperti taklimat dan perbincangan panel, sesi rundingan dan klinik perdagangan untuk pengeksport Malaysia. Wakil daripada agensi kerajaan yang berkaitan dan organisasi perdagangan turut dijemput menyertai perbincangan panel dan aktiviti klinik perdagangan. Ini adalah untuk membolehkan agensi-agensi berkenaan memberi maklum balas segera atas sebarang isu berbangkit semasa sesi-sesi berkenaan.

Pada tahun 2008, sebanyak 5 sesi B&C telah dikendalikan iaitu di Melaka, Kota Kinabalu, Pulau Pinang, Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Sejumlah 326 syarikat dan 393 wakil telah menyertai sesi tersebut.

**PUSAT TUMPUAN PERJANJIAN
PERDAGANGAN BEBAS (FTA)**

Pada Julai 2008, MATRADE menubuhkan pusat tumpuan bagi FTA untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat FTA kepada komuniti perniagaan tempatan khususnya, EKS. Dalam konteks ini, MATRADE dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai FTA serta manfaatnya kepada syarikat Malaysia termasuk maklumat mengenai produk yang layak, kadar tarif keutamaan dan prosedur bagi permohonan sijil tempasal (COO). MATRADE juga akan mengumpulkan maklum balas dari

DAFTAR PENGEKSPORT MALAYSIA (MER)

MATRADE mengendalikan MER yang merupakan pangkalan data yang mengandungi maklumat mengenai pengilang, syarikat dagangan, pembekal perkhidmatan dan persatuan perdagangan. Syarikat yang didaftarkan di MER menerima maklumat mengenai isu-isu perdagangan, risikan perdagangan, program penggalakan perdagangan serta aktiviti MATRADE. Kemudahan pepadanan perdagangan antara pembeli asing dengan pengeksport Malaysia adalah elemen penting di dalam MER. Keahlian dalam MER adalah percuma dan pendaftaran boleh dibuat secara atas talian.

Pada tahun 2008, sebanyak 1,140 syarikat Malaysia yang baru telah mendaftar dengan MATRADE, di mana 41 peratus adalah pengilang, 31 peratus syarikat dagangan, 25 peratus pembekal perkhidmatan dan 4 peratus syarikat pengilang kontrak. Sehingga akhir tahun 2008, sejumlah 13,926 syarikat telah berdaftar dengan MER.

Sila rujuk carta di bawah dan muka surat 67 bagi butiran terperinci.

**DAFTAR PENGEKSPORT MALAYSIA
MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN**

| JENIS PERNIAGAAN | JUMLAH |
|------------------------|--------------|
| Pengilang | 462 |
| Syarikat dagangan | 353 |
| Pembekal perkhidmatan | 281 |
| Pengilang kontrak | 44 |
| JUMLAH SYARIKAT | 1,140 |

komuniti perniagaan mengenai pelaksanaan FTA oleh Malaysia dan memaklukkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan.

Sebagai pusat tumpuan, MATRADE telah menerbitkan 3 buku panduan mengenai FTA iaitu *Malaysia's Free Trade Agreement, FTA Series: MPCEPA dan FTA Series: MJEPA*. Buku panduan ini diedarkan secara percuma kepada kesemua pengeksport yang memerlukan maklumat spesifik mengenai FTA.

PECAHAN PENDAFTARAN MENGIKUT SEKTOR PRODUK

| KATEGORI PRODUK | JUMLAH |
|--|--------------|
| Makanan diproses | 238 |
| Perabot | 156 |
| Farmaseutikal, barangan penjagaan kesihatan dan kosmetik | 133 |
| Bahan pembinaan / pembangunan dan <i>hardware</i> | 126 |
| Minuman | 107 |
| Mesin dan kelengkapan | 94 |
| Produk pertanian | 82 |
| Produk elektrik dan elektronik pengguna dan industri | 67 |
| Kimia, mineral dan aloi | 65 |
| Produk kayu | 60 |
| Alat ganti dan komponen automotif | 59 |
| Komponen dan barangan elektrik dan elektronik | 52 |
| Produk isi rumah | 49 |
| Pakaian dan aksesori | 44 |
| Cenderahati dan barangan perhiasan | 40 |
| Produk perubatan | 34 |
| Produk plastik | 33 |
| Pembungkusan | 30 |
| Produk minyak kelapa sawit | 27 |
| Perisian komputer | 25 |
| Alat tulis | 24 |
| Alat mainan dan peralatan sukan | 20 |
| Kelengkapan pengangkutan dan bahagian | 17 |
| Telekomunikasi | 14 |
| Produk getah | 13 |
| Perkakasan komputer | 12 |
| Fesyen aksesori dan tekstil | 10 |
| Kasut | 10 |
| Sarung getah | 10 |
| Tekstil, <i>yarn</i> dan barangan berkaitan | 5 |
| Produk pertahanan dan kelengkapan | 1 |
| JUMLAH SYARIKAT | 1,657 |

PECAHAN PENDAFTARAN MENGIKUT SEKTOR PERKHIDMATAN

| KATEGORI PERKHIDMATAN | JUMLAH |
|--|------------|
| Teknologi komunikasi dan maklumat | 132 |
| Perkhidmatan perniagaan | 97 |
| Perkhidmatan kejuruteraan | 94 |
| Perkhidmatan logistik dan pengedaran | 40 |
| Perkhidmatan kesihatan | 32 |
| Perkhidmatan teknikal | 28 |
| Perkhidmatan infrastruktur / pembinaan | 27 |
| Perkhidmatan senibina | 26 |
| Perkhidmatan pendidikan | 26 |
| Perkhidmatan penerbitan dan percetakan | 23 |
| Pelancongan dan hospitaliti | 19 |
| Minyak dan gas | 15 |
| Perkhidmatan profesional | 11 |
| Francais | 5 |
| Perkhidmatan kewangan | 3 |
| Perkhidmatan lain-lain | 76 |
| JUMLAH SYARIKAT | 654 |

PERTANYAAN PERDAGANGAN

MATRADE menerima pertanyaan perdagangan bagi produk dan perkhidmatan Malaysia melalui rangkaian pejabat luar MATRADE. Pada tahun 2008, sejumlah 18,904 pertanyaan diterima dan disebarkan kepada syarikat yang berdaftar dengan MATRADE. Butiran terperinci mengenai pertanyaan perdagangan yang diterima dipaparkan seperti carta di bawah.

Pertanyaan perdagangan diterima juga melalui e-mel MATRADE iaitu *info@matrade.gov.my*.

Pada tahun 2008, sejumlah 4,099 pertanyaan perdagangan diterima melalui e-mel. Kebanyakan pertanyaan yang diterima adalah berkenaan produk dan perkhidmatan Malaysia, senarai acara-acara perdagangan luar negara dan tempatan, permohonan untuk MER, maklumat mengenai BPG dan MDG serta maklumat mengenai pemudahan eksport seperti tarif, syarat dan peraturan serta dokumentasi eksport.

PERTANYAAN PERDAGANGAN YANG DITERIMA OLEH MATRADE MENGIKUT RANTAU

| | |
|--------------------------|---------------|
| Asia Barat | 5,409 |
| Eropah | 3,509 |
| ASEAN | 2,743 |
| Asia Timur | 1,855 |
| Amerika Utara | 1,790 |
| Afrika | 1,410 |
| Amerika Latin | 817 |
| Rusia dan Asia Tengah | 753 |
| Oceania | 398 |
| Asia Selatan | 220 |
| JUMLAH PERTANYAAN | 18,904 |

PERTANYAAN PERDAGANGAN YANG DITERIMA OLEH MATRADE MENGIKUT SEKTOR PRODUK DAN PERKHIDMATAN

| | |
|------------------------------------|---------------|
| Makanan dan minuman | 2,191 |
| Perkhidmatan / konsultasi | 1,811 |
| Perabot | 1,068 |
| Bahan binaan | 973 |
| Elektrik dan elektronik | 910 |
| Getah | 615 |
| Minyak sawit | 587 |
| Ubatan dan produk farmaseutikal | 545 |
| Barangan kayu | 508 |
| Mesin, jentera dan kelengkapan | 486 |
| Kenderaan bermotor dan komponen | 479 |
| Barangan plastik | 394 |
| Kimia | 336 |
| Kertas dan alat tulis | 299 |
| Tekstil, pakaian, aksesori | 284 |
| Kosmetik | 164 |
| Barangan cenderahati | 140 |
| Kasut | 125 |
| Pertanian | 108 |
| Barangan rumah | 89 |
| Barangan kaca | 70 |
| Barang kemas | 66 |
| Barangan besi / keluli / aluminium | 47 |
| Notis tender tempatan | 33 |
| Barangan lain | 1,467 |
| Pertanyaan am | 5,109 |
| JUMLAH PERTANYAAN | 18,904 |

PUSAT PAMERAN EKSPORT MALAYSIA (MEEC)

Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC) merupakan pusat setempat untuk para pembeli antarabangsa. MEEC menyediakan kemudahan pameran kepada syarikat-syarikat Malaysia yang menawarkan produk serta perkhidmatan untuk dieksport. Selain itu, pusat ini juga mengaturkan pertemuan perniagaan di antara pembeli asing serta pengusaha tempatan dengan syarikat-syarikat Malaysia yang mengambil ruang di MEEC.

Pada tahun 2008, sejumlah 412 syarikat mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di MEEC, yang meliputi 39 produk pengilangan dan 7 daripada sektor perkhidmatan. Antara produk yang dipamerkan

adalah makanan dan minuman, produk kayu, getah, automotif dan alat ganti automotif, serta produk kimia. Sektor perkhidmatan yang dipamerkan adalah pendidikan, francais, institusi kewangan dan pembekal lojistik. Hampir sebanyak 80 peratus peserta di MEEC adalah EKS.

MEEC telah menerima 3,350 pelawat pada tahun 2008 yang terdiri daripada 2,566 pelawat tempatan dan 784 pelawat asing, 45 delegasi perdagangan dan telah mengaturkan 193 pertemuan perniagaan antara syarikat Malaysia dengan pembeli asing.




Beberapa produk Malaysia yang dipamerkan dalam ruang pameran tetap yang diuruskan oleh MATRADE

MATRADE HELP DESK (MHD)

MHD di ibu pejabat MATRADE merupakan tumpuan rujukan utama bagi pengendalian pertanyaan daripada ahli komuniti perniagaan tempatan dan asing mengenai program dan perkhidmatan MATRADE. Pertanyaan diterima melalui telefon, e-mel serta kunjungan pelawat. Pada tahun 2008, MHD menerima 911 pertanyaan daripada syarikat tempatan dan luar negara. Pertanyaan-pertanyaan ini merangkumi pelbagai perkara termasuk permohonan untuk geran, program penggalakan, pendaftaran dengan MATRADE, maklumat mengenai produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia serta juga maklumat pasaran global.

JUMLAH PERTANYAAN DITERIMA DARIPADA JANUARI KE DISEMBER 2008



PUSAT PERDAGANGAN MALAYSIA (MTC)

DUBAI

MTC di Dubai menawarkan peluang kepada pengeksport Malaysia untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka ke Emiriah Arab Bersatu serta negara-negara disekitarnya. Pusat pameran ini mempamerkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan daripada 180 syarikat Malaysia yang terdiri daripada 24 kelompok produk termasuk makanan dan minuman, perabot, perubatan dan farmaseutikal, barangan kesihatan dan kosmetik, produk elektrik dan elektronik, bahan pembinaan dan perkakasan, automotif dan aksesori serta barangan plastik dan getah. Pada tahun 2008, pusat pameran ini telah menerima sejumlah 2,000 pelawat perdagangan.

HONG KONG SAR

Terletak di kawasan perniagaan terkemuka, MTC Hong Kong SAR mempamerkan pelbagai produk daripada 21 syarikat Malaysia termasuk makanan diproses, tekstil dan pakaian, produk pewter, seramik dan barang kemas. MTC Hong Kong SAR juga dilengkapi dengan kemudahan pusat perniagaan serta kesetiausahaan untuk kegunaan syarikat Malaysia. Pada tahun 2008, pusat ini telah menerima lebih daripada 250 pelawat perniagaan.

BUSINESS INFORMATION CENTRE (BIC)

MATRADE bersama MIDA menguruskan *Business Information Centre* (BIC) yang ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi memudahkan pelawat perniagaan asing untuk mendapat maklumat perdagangan dan pelaburan. Selain berfungsi sebagai tempat pertemuan perniagaan, BIC juga merupakan pusat informasi untuk pelbagai maklumat termasuk acara dan pameran perdagangan yang diadakan di Malaysia.

Pada tahun 2008, melalui BIC, MATRADE menerima 151 pertanyaan di mana kebanyakannya adalah mengenai produk dan perkhidmatan Malaysia, pameran perdagangan tempatan dan juga maklumat perdagangan.

ANUGERAH KECEMERLANGAN EKSPORT

Anugerah Kecemerlangan Eksport adalah di antara kategori anugerah di bawah Anugerah Kecemerlangan Industri yang dianjurkan oleh MITI. MATRADE merupakan sekretariat untuk Anugerah Kecemerlangan Industri dalam kategori berikut:

- i. Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan);
- ii. Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan);
- iii. Anugerah Kecemerlangan Jenama (Dagangan); dan
- iv. Anugerah Kecemerlangan Jenama (Perkhidmatan–Profesional dan Bukan Profesional).



Anugerah Kecemerlangan Eksport bagi Produk dan Perkhidmatan diberikan kepada syarikat-syarikat sebagai mengiktiraf komitmen dan usaha menembusi pasaran eksport. Anugerah Kecemerlangan Jenama bagi Produk dan Perkhidmatan pula diberikan kepada syarikat-syarikat sebagai mengiktiraf pelaburan mereka dalam membina dan mempromosikan jenama Malaysia di peringkat antarabangsa. Pemenang-pemenang Anugerah Kecemerlangan Eksport dan Anugerah Kecemerlangan Jenama bagi tahun 2008 adalah:

ANUGERAH KECEMERLANGAN EKSPORT 2008

DAGANGAN

EXIS TECH SDN BHD

ETI TECH (M) SDN BHD

HEAVEBOARD BERHAD

HENIKWON CORPORATION SDN BHD

ANUGERAH KECEMERLANGAN EKSPORT 2008

PERKHIDMATAN

RNZ INTEGRATED (M) SDN BHD

UNIVERSITY COLLEGE SEDAYA INTERNATIONAL (UCSI EDUCATION SDN BHD)

WCT BERHAD

PULSE BPO SDN BHD

SCOMI GROUP BERHAD

ANUGERAH KECEMERLANGAN JENAMA 2008

DAGANGAN

CENTONIA INDUSTRIES SDN BHD

NIRO CERAMIC SDN BHD

ROYAL SELANGOR INTERNATIONAL SDN BHD

ANUGERAH KECEMERLANGAN JENAMA 2008

PERKHIDMATAN

INSPIDEA SDN BHD

TAYLOR'S COLLEGE SDN BHD

PERPUSTAKAAN PERNIAGAAN MATRADE


Perpustakaan Perniagaan MATRADE mempunyai koleksi sumber yang luas termasuk direktori, penerbitan berkala, buku, data statistik, pangkalan data atas talian dan CD-ROM bagi memudahkan kajian yang meliputi produk, perkhidmatan dan pasaran.

Maklumat dalam perpustakaan ini sentiasa dikemaskini dengan informasi terkini berkenaan statistik perdagangan, laporan pasaran, profil negara-negara, tarif kastam, syarat dan


peraturan serta berita perdagangan daripada sumber antarabangsa dan tempatan.

Pada tahun 2008, Perpustakaan Perniagaan MATRADE menerima 2,529 pertanyaan dan 1,174 pelawat serta memberi perkhidmatan kepada 3,699 pengguna. Perpustakaan juga memperolehi 1,454 buku, 604 direktori, 979 penerbitan berkala dan 172 CD-ROMs serta dilengkapi dengan 23 pangkalan data, termasuk *Global Insight's World Industry Service* yang baru dilanggan.

PERTANYAAN RUJUKAN MENGIKUT PERKARA



PERTANYAAN RUJUKAN MENGIKUT PRODUK



PANGKALAN DATA YANG TERDAPAT DI PERPUSTAKAAN PERNIAGAAN MATRADE

PANGKALAN DATA DALAMAN

| |
|--------------------------------------|
| Kontak Perniagaan |
| Pengimport Asing |
| Pengeksport Tempatan |
| Konvensyen dan Pemeran |
| Statistik Perdagangan Malaysia |
| Pameran Perdagangan |
| Misi Perdagangan |
| Program Latihan Pengeksport Tempatan |
| Program Misi Belian ke Malaysia |
| Lain-lain Acara Promosi |

PANGKALAN DATA YANG DILANGGANI

| |
|---|
| nexis.com |
| Palmoilis |
| Global Market Information Database (GMID) |
| The Public Ledger |
| eu.com |
| World Trade Atlas Online |
| UN Development Business Online |
| The Tariff Finder Online |
| Global Insight's World Industry Service |

PANGKALAN DATA INTERNATIONAL TRADE CENTRE (ITC)

| |
|-------------------|
| Trade Map |
| Product Map |
| Investment Map |
| Market Access Map |

PENGGUNAAN TERBANYAK PANGKALAN DATA

| PANGKALAN DATA | BILANGAN PENGGUNA |
|---|-------------------|
| World Trade Atlas | 1,696 (24.9%) |
| MATRADE Trade Statistics Retrieval System (MTR-EIS) | 1,441 (21.2%) |
| Malaysian Exporters | 1,273 (18.7%) |
| Economist Intelligence Unit (EIU) | 1,092 (16%) |
| Global Market Information Database (GMID) | 752 (11%) |
| nexis.com | 280 (4.1%) |
| Tariff Finder Online | 111 (1.6%) |
| Foreign Importers | 50 (0.7%) |
| Global Insight's World Industry Service | 39 (0.6%) |
| Lain-lain | 77 (1.1%) |
| JUMLAH | 6,811 |

LAMAN PORTAL MATRADE

